قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"DAN juga mereka diredai Allah itu ialah apabila membelanjakan hartanya tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut dan sebaliknya perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu". - Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Furqan, ayat 67.**

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.55 SUBUH 5.05 SYURUK 6.28 DUHA 6.52 ZUHUR 12.24 ASAR 3.46 MAGHRIB 6.19 ISYAK 7.33
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN **69** BILANGAN **1** | **1 JANUARI 2024 / 1445 جمادي الأخير 19** | **JABATAN PENERANGAN** | **EDISI ISNIN PERCUMA**

***"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.***

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# PEMBAIKAN DASAR WUJUDKAN EKOSISTEM KONDUSIF



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2024.**

**Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 31 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah semasa menyentuh mengenai kepelbagaian ekonomi, sangat gembira atas perkembangan Sektor Bukan Minyak dan Gas yang sangat menggalakkan, yang meningkat sebanyak 5.3 peratus bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2023.

**>> Muka 2**

# Meninjau mangsa kebakaran rumah Kampung Bolkiah 'A'

**Oleh : Haniza Abdul Latif**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 31 Disember. – Atas dasar keprihatinan yang sememangnya diterapkan di negara ini, beberapa pihak berkepentingan tidak camah mata dengan sentiasa menghulurkan pelbagai bantuan dan sumbangan dengan harapan usaha berkenaan sedikit sebanyak dapat meringankan beban dan kesengsaraan yang ditanggung oleh mangsa kebakaran.

Sehubungan dengan itu, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) turut prihatin terhadap keluarga mangsa kebakaran sebuah rumah di Kampung Bolkiah 'A'.

Rumah milik Awang Rosli bin Haji Tuah bersama 15 penghuni musnah keseluruhannya dalam kejadian kebakaran yang berlaku awal pagi tadi.

Dalam kejadian berkenaan, seorang warga emas telah terkorban.

**>> Muka 3**

# Tazkirah akhir tahun serikan Malam Munajat

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 31 Disember. - Kita sudah berada pada hujung tahun 2023. Sedar tak sedar, umur kita pun semakin meningkat setiap tahun. Akan tetapi yang penting di sini ialah pengakhiran kita hidup, bagaimana? Adakah kita sudah mengetahui pengakhiran kita sama ada baik atau buruk? Apakah persiapan kita sebelum nyawa dicabut dari badan, yang mana kita sendiri pun tidak tahu bila dan di mana?

Apa yang kita sangat harapkan adalah *husnul khatimah*. Mudah-mudahan kita semua dikurniakan *husnul khatimah* iaitu pengakhiran yang baik.

Perkara tersebut antara yang disampaikan di dalam tazkirah oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Mohd. Fahmi bin Haji Mat Nor dari Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas pada Program Malam Munajat Kali Ke-118, baru-baru ini.

Program Malam Munajat tersebut turut mengundang, Pemangku Pengurus Keselamatan Setia Protective Security Services (SPSS) Sdn. Bhd., Awang Haji Abd. Rahim bin Haji Imran yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dari Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

**>> Muka 3**

# Bantu ringankan beban anak-anak yatim

**Oleh : Haniza Abdul Latif**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 31 Disember. – Seramai 30 penerima yang terdiri daripada 11 anak-anak yatim dan 19 anak-anak daripada golongan yang memerlukan menerima sumbangan pada Majlis Penyerahan Sumbangan melalui Projek Kotak Kutip Dropbox bagi Tahun 2023 yang berlangsung di Tingkat 1, Kelab Golf RBA, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada para penerima, Yang Di-Pertua Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW), Hajah Dayang Hassanah binti Haji Awang Hassan.

**>> Muka 5**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



**FMT : Eratkan hubungan silaturahim penduduk**

**Muka 4**



**GIAT buat persediaan menjelang sesi persekolahan 2024**

**Muka 6**



**BERSEDEKAH meraih keberkatan hidup**

**Muka 8**




**RENTETAN Peristiwa Sepanjang Tahun 2023**

**Muka 20**

Pelita Brunei

# Pembaikan dasar wujudkan ekosistem kondusif

>> Muka 1

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

Ini tentu saja hasil usaha bersepadu kerajaan baginda dengan kerjasama sektor swasta dalam mempelbagaikan ekonomi negara. Usaha ini tidak boleh berhenti, malah digiatkan terus untuk mencapai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Perkara tersebut antara titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan bersempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2024, hari ini.

"Ke arah itu, Perkhidmatan Awam negara ini perlu terus meneliti dan melaksanakan pembaikan-pembaikan dasar dan peraturan, sebagai langkah memperkemaskan lagi sistem penyampaian perkhidmatan yang sedia ada, khasnya ke arah mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi pertumbuhan perniagaan dan pelaburan, di samping menekankan akauntabiliti para penjawat awam," titah baginda.

Dalam masa yang sama, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, penerapan nilai-nilai Islam dalam semua aspek urus tadbir, perlu terus dititikberatkan, selaras dengan langkah memelihara Maqasid Syariah bagi kelangsungan dan kestabilan negara.

"Kerajaan beta juga dalam beberapa bulan yang lalu telah melaksanakan dua inisiatif penting untuk kebajikan warga kerja dalam Sektor Perkhidmatan Awam dan swasta iaitu Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) dan gaji minima bagi sektor-sektor tertentu," titah baginda lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah berharap inisiatif-inisiatif ini akan jadi pendorong untuk mereka memajukan diri, baik di sektor kerajaan mahupun swasta.

Berkaitan pendidikan pula, titah baginda, pelaksanaan Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama dari Darjah Pra hingga Darjah III ke dalam Sistem Pendidikan Umum yang telah bermula bulan November lepas telah menimbulkan pelbagai persepsi dan reaksi.

"Beta berharap, semua pihak akan memahami bahawa rancangan ini adalah bertujuan untuk menjaga kesejahteraan para pelajar melalui keseimbangan suasana dan pembelajaran. Kerana itu, sokongan semua pihak khasnya ibu bapa adalah masih diperlukan bagi keberkesanan dan kesinambungan usaha ini," titah baginda.

Di sudut lain, titah baginda lagi, negara akan terus mengambil berat usaha-usaha di peringkat global berkaitan isu perubahan iklim. Sehubungan ini, pembentukan Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP) dan pelantikan negara sebagai tuan rumah bagi Pusat Perubahan Iklim ASEAN (ASEAN Centre for Climate Change) adalah merupakan antara terjemahan dari komitmen yang disebutkan tadi.

Sebelum mengakhiri titah, baginda ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peringkat warga Perkhidmatan Awam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, pasukan-pasukan beruniform yang lain, termasuk mereka yang berkhidmat di sektor swasta dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs), di atas komitmen dan usaha gigih kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing sepanjang tahun 2023.

Demikian juga, pada kesempatan ini, Kebawah DYMM sukacita merakamkan penghargaan kepada negara-negara sahabat dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa di atas kerjasama yang baik lagi ikhlas antara kita.

"Selamat Tahun Baharu Masihi 2024 kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini, termasuk mereka yang berada di luar negara. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan melimpahkan rahmatnya berupa keteguhan iman, kesihatan, keamanan dan kemakmuran untuk semua," titah baginda mengakhiri Titah Perutusan bersempena Tahun Baharu Masihi 2024.

# KEKAL KEAMANAN, KESELAMATAN, KESEJAHTERAAN BERKAT USAHA BERSEPADU

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 31 Disember. - Bersabit hal ehwal luar negara pula, Negara Brunei Darussalam (NBD) turut melahirkan kebimbangan yang amat mendalam terhadap keganasan yang sedang berlaku di Palestin.

Kita mengharapkan supaya pihak-pihak berkenaan akan terus mematuhi kewajipan menghormati undang-undang antarabangsa temasuk Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu khasnya dalam usaha melindungi keselamatan orang awam. Sama-samalah kita berdoa semoga rakyat Palestin akan sentiasa mendapat perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan bersempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2024, hari ini.

"Sebagai tanda simpati yang mendalam, NBD tidak ketinggalan menubuhkan Tabung Kemanusiaan untuk Rakyat Palestin, di samping doa dan Qunut Nazilah bagi rakyat dan negara Palestin juga dibaca di masjid-masjid. Beta berharap, rakyat dan penduduk negara ini akan sama-sama menyumbang kepada tabung berkenaan sebagai derma atau sedekah kerana Allah Subhanahu Wata'ala," titah baginda lagi.

Seterusnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah pada tahun ini, kita insyaaAllah akan menyambut 40 tahun negara mencapai kemerdekaan penuh.

"Kejayaan kita dalam mengekalkan keamanan, keselamatan dan kesejahteraan dalam tempoh yang lama ini adalah berkat usaha bersepadu dan dengan izin Allah jua," titah baginda.

>> Muka 3

## WAKTU SEMBAHYANG

| Januari MASIHI | HARI | Jamadilakhir HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | ISNIN | 19 | 4 . 55 | 5 . 05 | 6 . 28 | 6 . 52 | 12 . 24 | 3 . 46 | 6 . 19 | 7 . 33 |
| 2 | SELASA | 20 | 4 . 55 | 5 . 05 | 6 . 29 | 6 . 53 | 12 . 25 | 3 . 47 | 6 . 19 | 7 . 34 |
| 3 | RABU | 21 | 4 . 56 | 5 . 06 | 6 . 29 | 6 . 53 | 12 . 25 | 3 . 47 | 6 . 20 | 7 . 34 |
| 4 | KHAMIS | 22 | 4 . 56 | 5 . 06 | 6 . 29 | 6 . 54 | 12 . 26 | 3 . 48 | 6 . 20 | 7 . 35 |
| 5 | JUMAAT | 23 | 4 . 57 | 5 . 07 | 6 . 30 | 6 . 54 | 12 . 26 | 3 . 48 | 6 . 21 | 7 . 35 |
| 6 | SABTU | 24 | 4 . 57 | 5 . 07 | 6 . 30 | 6 . 54 | 12 . 27 | 3 . 49 | 6 . 21 | 7 . 36 |
| 7 | AHAD | 25 | 4 . 58 | 5 . 08 | 6 . 31 | 6 . 55 | 12 . 27 | 3 . 49 | 6 . 22 | 7 . 36 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 / 25 °C | 32 / 26 °C | 33 / 26 °C |
| Pekan Bangar | 33 / 25 °C | 32 / 26 °C | 33 / 26 °C |
| Pekan Tutong | 33 / 25 °C | 32 / 26 °C | 33 / 26 °C |
| Kuala Belait | 33 / 25 °C | 32 / 26 °C | 33 / 26 °C |

Wallahualam Bissawab

www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

1 JANUARI 2024

### Hadapi Tahun Baharu dengan semangat dan motivasi baharu

**PEJAM** celik pejam celik kita sudah berada di ambang Tahun Baharu, tahun 2024. Alhamdulillah kita masih berdiri teguh menghadapi rintangan dan cabaran tahun 2023. Salah satu cara untuk berasa lebih baik menghadapi tahun baharu adalah dengan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan bersyukur kita akan berasa lebih puas, bersemangat dan optimis menghadapi Tahun Baharu.

Setentunya Tahun Baharu adalah waktu yang sesuai dan tepat untuk menetapkan tujuan yang ingin dicapai pada tahun 2024 agar awda lebih bersemangat, fokus dan produktif pada Tahun Baharu 2024.

Menyorot peristiwa tahun 2023 boleh dianggap sebagai tahun yang penuh kontroversi lebih-lebih lagi apabila dunia menyaksikan serangan zionis Israel di bumi Gaza Palestin. Di sini juga dunia menyaksikan solidariti seluruh dunia dalam membantu rakyat Palestin. Selain itu, dunia juga berhadapan dengan perubahan iklim, ekonomi yang tidak menentu serta politik dunia yang agak membimbangkan.

Sebaiknya Tahun Baharu kita mulakan dengan doa. Dengan membaca Doa Tahun Baharu Masihi, umat Islam dapat memperoleh keberkatan dan petunjuk daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk mengharungi perjalanan hidup dalam Tahun Baharu Masihi.

Kita selaku umat Islam diingatkan untuk menjadikan setiap langkah kita sebagai ibadah, memohon perlindungan daripada godaan daripada syaitan dan mengharapkan pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala dalam menjaga diri daripada keburukan.

Selain itu, kita perlu muhasabah diri dan merenung segala yang telah kita lakukan pada tahun lepas. Jika ia masih berada di takuk lama maka sewajarnya kita akan berusaha dengan lebih gigih lagi agar segala apa yang kita hajatkan akan tercapai pada Tahun Baharu ini.

Bagi penjawat awam pula, perlunya tekad serta usaha agar mampu bersaing dengan cabaran masa kini. Mereka perlu memanfaatkan teknologi digital untuk meningkatkan kecekapan proses kerja dan produktiviti. Hal ini dapat dilakukan dengan memastikan penjawat awam meningkatkan penerimaan masing-masing dalam penggunaan teknologi serta peralatan digital. Transformasi pengetahuan dan penguasaan digital oleh penjawat awam adalah menjadi satu kemestian dan perlu beradaptasi dengan cepat agar dapat bersaing dan menghadapi revolusi dan ekosistem digital.

Sememangnya setiap kedatangan Tahun Baharu, kita akan berhadapan dengan segala perkara yang di luar jangkauan kita yang tidak pernah diimpikan sebelum ini. Justeru dengan kekuatan serta kerjasama yang kita dapatkan dari keluarga, kawan akan dapat menjadikan kita lebih bersemangat, bermotivasi dalam menghadapi Tahun Baharu. – **Ketua Penyuntingan (Ri).**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Kekal keamanan, keselamatan, kesejahteraan berkat usaha bersepadu

>> Muka 2

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

Semoga sambutan kali ini akan lebih mengukuhkan lagi patriotisme di kalangan generasi masa kini, selaku rakyat dan penduduk yang taat setia lagi gigih untuk membawa negara mencapai Wawasan Brunei 2035.

Terdahulu, dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menzahirkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di atas limpah rahmatnya mengizinkan kita sama-sama melangkah ke Tahun Masihi 2024.

"Semoga tahun 2024 ini akan mendorong kita untuk lebih berjaya meneroka perubahan-perubahan bermakna, baik bagi diri sendiri, keluarga, masyarakat mahupun negara," titah baginda lagi.

"Demikian juga, fokus kerajaan beta akan tetap mensasarkan pencapaian matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035. Maka untuk itu, kerajaan beta melalui pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation akan terus melakar strategi baharu menerusi blueprint-blueprint yang kita yakini mampu untuk membawa negara lebih dekat kepada matlamat-matlamat tersebut," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah bahawa *blueprint-blueprint* ini akan sentiasa dikemas kini bagi memastikan ia sentiasa relevan dan apa jua jurang dalam perancangan dan pelaksanaan akan ditangani secara kolektif tanpa bertangguh.

Namun dalam pada itu, faktor-faktor luar seperti pergolakan geopolitik, krisis kesihatan global, kesan perang dagang antara kuasa besar dan kepesatan kemajuan teknologi akan terus mempengaruhi hala tuju dunia, dengan bahangnya juga turut dirasai oleh negara kita.

Apa yang pasti, titah baginda, kita perlu mendepani keadaan ini dengan fikiran terbuka untuk memahami perubahan tersebut dan seterusnya memanfaatkan sepenuhnya apa jua peluang yang dibawanya.

# TAZKIRAH AKHIR TAHUN SERIKAN MALAM MUNAJAT

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Juga hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi Malam Munajat tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut mengimarahkan program berkenaan ialah ahli-ahli jawatankuasa takmir dan para jemaah serta belia dari Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas; Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait dan Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong serta beberapa buah lagi masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Malam Munajat turut diramaikan oleh warga kerja di bawah KHEU dan jabatan-jabatan serta institusi pendidikan di bawahnya bersama keluarga dari kediaman masing-masing.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diteruskan dengan bacaan Surah Al-Waqiah beramai-ramai dipimpin oleh Imam Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Haji Noor Azhar bin Haji Harith dari masjid berkenaan diikuti bacaan Doa Munajat oleh Dekan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Mulok.

Sejurus selesai tazkirah, bacaan selawat dipimpin oleh Belia Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dari Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Bagi memberkati acara Munajat, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Ketua Imam, Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dari Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, meminta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya.



PROGRAM Malam Munajat Kali Ke-118 turut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Orang ramai adalah sangat dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu, malam Ahad secara maya melalui pautan *https://tiny.cc/munajatkheu* atau *https://www.facebook.com/pdi.kheu.*

# Meninjau mangsa kebakaran rumah Kampung Bolkiah 'A'

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah





**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa meninjau keadaan keluarga mangsa (kiri dan kanan). Manakala gambar bawah, keadaan rumah keluarga yang terlibat dengan kebakaran tersebut.**

>> Muka 1

Hadir bagi menyaksikan lebih dekat keadaan keluarga mangsa ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, yang juga Pemangku Pengarah Urusan YSHHB; dan Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Penubuhan YSHHB salah satunya bertujuan untuk memberi pemedulian dan bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik seperti mereka yang terlibat dalam musibah bencana kebakaran rumah.



## MAKLUMAN

ORANG ramai adalah dialu-alukan untuk mendapatkan Kalendar Tahun 2024 terbitan Jabatan Penerangan secara pandu lalu mulai Rabu, 21 Jamadilakhir 1445H bersamaan 3 Januari 2024M, semasa **waktu bekerja, jam 8.30 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang** (tertakluk kepada stok kalendar), di lokasi-lokasi berikut:

- Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Daerah Brunei dan Muara.
- Cawangan Penerangan Daerah Belait, Jalan Lorong Bolkiah, Seria, Daerah Belait.
- Kawasan Berhadapan Kompleks Sukan Tutong, Daerah Tutong.
- Kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, Daerah Temburong.



**Jumlah Kalendar adalah TERHAD**

# FMT : ERATKAN HUBUNGAN SILATURAHIM PENDUDUK

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Sabtu, 30 Disember. – Festival Mukim Telisai (FMT) 2023 yang julung kalinya diadakan mendapat sambutan yang cukup meriah daripada orang ramai terutamanya penduduk sekitarnya yang turut sama hadir meluangkan masa bersama keluarga ke acara berkenaan.

Dianjurkan oleh Majlis Perundingan Mukim Telisai, Tutong, kemuncak acara festival yang diadakan di kawasan lapang tempat penurunan perahu Kampung Danau, Sungai Penyatang berkenaan ialah perarakan perahu bercucul di air yang disertai oleh lapan peserta.

Hadir selaku tetamu kehormat pada festival berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri yang juga turut menyempurnakan penyampaian sijil dan sagu hati kepada peserta.

FMT 2023 berkenaan diadakan selama dua hari bermula hari ini hingga Ahad, 31 Disember 2023, dan menyediakan pelbagai aktiviti untuk para pengunjung antaranya permainan bagi kanak-kanak seperti Go-Kart, beca berhias, sukan ria, jalan santai dan perlawanan bola sepak yang diadakan di kawasan Padang Sekolah Rendah Danau dan Pantai Danau, di samping gerai-gerai jualan daripada para penjaja di Mukim Telisai.



Penghulu Mukim Telisai, Awang Haslan bin Haji Shahbudin ketika ditemui menjelaskan, antara tujuan penganjuran acara berkenaan ialah bagi menyemarakkan lagi Festival Disember Brunei (Brunei December Festival-BDF) 2023 di samping mengukuhkan hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk Mukim Telisai dan sekitarnya sekali gus dapat menikmati suasana makan malam bersama keluarga masing-masing.

Acara yang julung kali diadakan berkenaan tambahnya, mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para penduduk kampung dan insyaaAllah ia dihasrat untuk diadakan lagi pada masa akan datang.

"Harapan kami adalah sambutan seumpamanya akan dapat manfaat kepada semua pengunjung terutamanya pengunjung dari luar Mukim Telisai," ujarnya.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong semasa menyampaikan sijil dan sagu hati kepada peserta (atas). Manakala gambar bawah kiri, antara perahu bercucul yang mengikuti festival berkenaan.

Sempena festival berkenaan juga, pihak penganjur turut menyediakan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 bagi memberi peluang orang ramai untuk bersama-sama menghulurkan bantuan dan sumbangan seikhlas hati.

# Operasi sempadan darat berjalan lancar

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 31 Disember. - Musim cuti persekolahan sudah sampai ke penghujungnya dan hari ini adalah merupakan hari yang ke-365 bagi tahun 2023.

Esok mula menjelang hari baharu di Tahun Baharu 2024 dan pada 2 Januari 2024 pula, sesi persekolahan akan dibuka semula dan sudah pasti suasana jalan raya akan kembali sesak terutama sekali di kawasan-kawasan persekolahan.

Walaupun begitu, masih ramai yang mengambil peluang untuk merentasi sempadan bagi meraikan Tahun Baharu 2024.

Pos-pos kawalan di seluruh negara masih dibanjiri dengan deretan kereta terutama sekali di Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh bagi mereka yang ingin mengunjungi negara jiran, Sarawak.

Dalam kesempatan ini, Pelita Brunei sempat menemu bual beberapa penduduk tempatan yang sedang dalam perjalanan untuk menyeberangi sempadan Negara Brunei Darussalam (NBD) - Sarawak semasa menunggu giliran mereka untuk melepasi Pos Kawalan Imigresen berkenaan untuk bercuti di sana.

Dalam temu bual berkenaan, salah seorang penduduk tempatan yang sering mengunjungi negara jiran berkata deretan panjang kenderaan di kedua-dua pos kawalan NBD - Sarawak sememangnya bukanlah satu perkara yang baharu dan ia sudah menjadi lumrah terutama sekali ketika tibanya musim cuti persekolahan.

Jelasnya lagi, penduduk tempatan yang berhasrat menuju ke negara jiran berkenaan bukan sahaja bertujuan untuk bercuti bersama keluarga, tetapi juga ingin meraikan tahun baharu bersama keluarga tercinta.

Sementara itu, beberapa keluarga yang berhasrat untuk menghabiskan percutian mereka di negara jiran berkata tujuan utama mereka adalah sama seperti pengunjung lainnya, iaitu untuk meraikan Sambutan Tahun Baharu di luar negara lebih-lebih lagi selepas menerima bonus mereka baru-baru ini.

Di samping itu, mereka juga menyatakan bahawa Festival Disember Brunei yang dipenuhi dengan pelbagai aktiviti bermula awal bulan ini mula berkurangan pada akhir-akhir ini, jadi mereka mengambil kesempatan ini untuk bercuti bersama keluarga mereka di negara jiran.



KEADAAN sempadan Negara Brunei Darussalam (NBD) - Sarawak bagi mereka yang menunggu giliran untuk melepasi Pos Kawalan Imigresen.







# BANTU RINGANKAN BEBAN ANAK-ANAK YATIM

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**>> Muka 1**

Turut hadir selaku jemputan khas, Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Ibrahim yang juga selaku Ketua Kampung Sungai Buloh.

Para penerima menerima sumbangan berbentuk baucar pembelian keperluan persekolahan yang disumbangkan melalui 'Tabung Selamatkan Anak-Anak Kitani PSW' (PSW Save Our Children Fund) daripada ahli-ahli, sahabat dan keluarga PSW.

Sumbangan berkenaan adalah sebagai usaha membantu nasib golongan anak-anak yatim dan golongan yang memerlukan dalam mempersiapkan diri bagi persediaan musim persekolahan tahun 2024.

Projek Kotak Kutip Dropbox berkenaan dianjurkan bersama PSW dan Ketua Kampung berserta Ahli Jawatankuasa Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Kawasan 2, Mukim Mentiri.

Turut memberikan sumbangan ialah Ketua Kampung Kawasan 2 serta para keluarga dan sahabat-sahabat, Pengarah Urusan Umrah, JB Travel Agency Sdn. Bhd., Bolfadillah bin Bolghanikan, Aura Sri Bunda & Partners dan para penyumbang persendirian.

Semoga dengan adanya aktiviti projek amal seperti ini dapatlah sedikit sebanyak membantu meringankan beban keluarga anak-anak yatim dan anak-anak daripada keluarga yang memerlukan dan juga membantu pihak kerajaan dalam sama-sama memeduli akan nasib mereka ini dalam mem buat persediaan musim persekolahan 2024 pada tahun hadapan.



YANG Di-Pertua Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW), Hajah Dayang Hassanah binti Haji Awang Hassan semasa bergambar ramai.



YANG Di-Pertua PSW menyampaikan sumbangan kepada penerima.




# Sokong, bantu tingkatkan usahawan tempatan

**Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 31 Disember. – Pelbagai acara disusun dan dijadualkan berlangsung di The One bagi menarik penduduk serta pelancong untuk berkunjung dan membeli-belah di pusat berkenaan.

Sebagai tarikan kepada orang ramai untuk menjadikan ia sebagai pusat tumpuan akhir tahun, Up Market Holiday Edition diadakan sejak 21 Disember lalu yang mengambil tempat di Atrium pusat tersebut.

Lebih 30 vendor menyertai Up Market Holiday Edition yang menawarkan pelbagai pilihan untuk orang ramai membeli-belah serta mendapatkan pelbagai jualan makanan yang lazat.

Tambahan pula dengan promosi Festival Disember Brunei (BDF), ia juga memberi peluang kepada pengunjung untuk membeli-belah dengan harga yang berpatutan serta menggalakkan orang ramai untuk berbelanja di negara sendiri.

Di samping bertujuan untuk menyokong perniagaan tempatan, ia turut dihasrat dapat menyokong meningkatkan perkembangan perniagaan khasnya dan ekonomi negara amnya.





LEBIH 30 vendor menyertai Up Market Holiday Edition yang berlangsung di The One (kiri dan kanan).

# ILUSTRASI DIGITAL SEMAKIN DIMINATI RAMAI

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Awang Muhammad Khuzairi Ariffin Haji Abdul Karim







**ANTARA produk potret ilustrasi digital Awang Muhammad Khuzairi Ariffin bin Haji Abdul Karim (kiri dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Disember. - Ilustrasi potret digital semakin diminati ramai pada masa ini yang mana ia adalah salah satu trend yang sesuai dengan peredaran zaman yang mampu menggambarkan seseorang yang boleh dijadikan gambar, lukisan, arca dan lukisan arca secara digital.

Ia dibuat biasanya melalui hasil seni (*artwork*) ataupun lukisan imej yang dilukis secara digital iaitu dengan hanya menggunakan komputer, tetikus dan papan kekunci, manakala proses-prosesnya bermula dengan penyerahan gambar-gambar yang ingin dilukis oleh para klien, lalu diteruskan dengan melukis secara digital menggunakan komputer dan menggunakan perisian seperti Adobe Illustrator dan Photoshop.

Pencipta digital tempatan, Awang Muhammad Khuzairi Ariffin bin Haji Abdul Karim semasa ditemu bual Pelita Brunei menjelaskan sebelum ini produk-produk potret ilustrasi digital adalah dalam saiz A4, 5R dan secara digital iaitu *soft copy* sahaja.

Tetapi sekarang katanya, produk terbaharu ialah saiz bingkai baharu iaitu dalam saiz mini yang berukuran 4inch x 6inch iaitu saiz 4R.

Menurutnya, ia sangat sesuai untuk orang yang mahu mempamerkan di atas meja kerja misalnya atau diberikan sebagai cenderahati tanda kenang-kenangan.

"Terdapat beberapa gaya terkini turut diperkenalkan kepada para pelanggan seperti Bobblehead; Detailed with no outline; One piece wanted poster; dan Silhoutte.

"Setakat ini cara dan peralatan yang digunakan masih sama iaitu menggunakan komputer, papan kekunci dan tetikus sahaja. Cuma perbezaan pada masa ini ialah peningkatan kemahiran penggunaan peralatan-peralatan tersebut dan lebih efisien dalam menggunakannya," jelas Awang Muhammad Khuzairi Ariffin.

Seterusnya beliau menambah mengenai tiada promosi yang diadakan sempena cuti persekolahan kerana di samping melukis, beliau juga sibuk dengan jadual-jadual persekolahan yang padat.

Walau bagaimanapun ujarnya, sambutan para pelanggan Alhamdulillah masih lagi berterusan walaupun tanpa bantuan peralatan *ad boost* di aplikasi Instagram.

"Lukisan-lukisan saya ini sangat sesuai untuk sesiapa yang ingin memberikan cenderahati, hadiah dan lain-lain kerana harganya yang berpatutan dan pada masa yang sama mementingkan kualiti *artwork* bagi memuaskan para pelanggan," tambahnya di akhir temu bual.

# Giat buat persediaan menjelang sesi persekolahan 2024

Berita dan Foto : Aimi Sani



**KEDAI-kedai buku menjadi tumpuan apabila sesi persekolahan 2024 bakal bermula.**

**MENTIRI**, Sabtu, 30 Disember. - Sesi persekolahan bagi Tahun 2024 akan bermula dan dalam baki masa yang ada ini, ibu bapa dan penjaga semakin sibuk membuat persiapan keperluan anak-anak terutama bagi buku teks, buku kerja sekolah dan juga seragam sekolah.

Dalam minggu terakhir penghujung tahun ini, pastinya kedai-kedai buku menjadi tumpuan, lebih-lebih lagi dengan pembayaran gaji dan bonus pada 28 Disember.

Dayangku Norlydiana binti Pengiran Haji Tejudin, ibu kepada tiga orang anak ketika ditemui di salah sebuah kedai buku di daerah ini menjelaskan bahawa kunjungan ke kedai berkenaan adalah bagi mendapatkan beberapa buah buku lagi yang dikehendaki sebaik saja menerima panggilan dari kedai buku tersebut.

Beliau yang sudah pun membuat persiapan keperluan anak-anak semasa penghujung November lalu menjelaskan bahawa dengan membeli sebahagian buku-buku yang diperlukan lebih awal, ia bukan saja untuk mengelakkan bersesak di kedai tetapi dapat membahagikan perbelanjaan untuk membeli keperluan persekolahan yang lain.

Selain menyediakan keperluan sekolah, beliau berkata, ibu bapa juga harus mempersiapkan anak-anak dari segi mental dan fizikal dengan memberi nasihat dan kata-kata semangat untuk belajar di samping turut memberi kesedaran awal betapa pentingnya belajar pada peringkat usia muda untuk menjamin kesejahteraan pada masa hadapan. Sesi musim persekolahan 2024 akan bermula pada 2 Januari ini.



# AZAM BAHARU JADIKAN DIRI LEBIH BAIK

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Awang Muhammad Wafauddin Haji Abu Nipah, Awang Mohammad Marhanif Mohd. Ali, Dayang Sarinah Ziziumiza



**PEGAWAI Pendidikan yang mengetuai Pusat Pembelajaran Peningkatan Teknologi (CTEL) di Intitut Pendidikan Teknikal Brunei, Dayang Sarinah binti Ziziumiza.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 31 Disember. - Melangkah ke Tahun Baharu 2024, pastinya kita mempunyai impian dan juga azam untuk mencapai sesuatu dan merancang kehidupan untuk menjadi yang lebih baik. Pengalaman pahit dan manis yang dilalui setiap tahun setentunya menjadi ukuran untuk membina satu tekad baharu.

Islam menggalakkan umatnya untuk sentiasa muhasabah diri bagi merenung kembali kelemahan atau kesalahan kita dalam usaha memperbaiki akhlak untuk kejayaan di dunia dan akhirat.

Perlu diingat, sesuatu azam itu tidak akan dapat dicapai tanpa adanya usaha dan setelah kita berusaha, kemudian barulah berserah kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan memohon doa.

Bagi Awang Muhammad Wafauddin bin Haji Abu Nipah, antara azam dan resolusi beliau untuk tahun 2024 adalah untuk terus mengasah kepakaran dalam kemahiran pemasaran dan rekaan grafik serta meningkatkan kefahaman dalam bidang Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) dan automasi agar mampu memberi banyak manfaat kepada diri dan orang lain.

Di samping itu, beliau juga berazam untuk meneruskan usaha dalam membina tubuh yang lebih kuat dan sihat serta mengurangkan berat badan.

Menurutnya lagi, beliau sebelum ini bertugas sebagai pegawai pemasaran di sebuah syarikat guaman dan sekarang dalam proses memulakan syarikat kecil beliau dalam bidang pemasaran dan rekaan grafik.

Mengongsikan antara pencapaian sepanjang tahun ini, Awang Muhammad Wafauddin menyatakan antaranya ialah membaca lebih daripada lima buah buku; menjadi juruacara (*emcee*) program sebanyak tiga kali; membantu dalam menjayakan Program Kemasyarakatan Tahaddhu Tahabbu 6.0 selain berusaha menurunkan berat badan (sebanyak 4 kilogram).

"Alhamdulillah, rata-rata banyak azam saya pada tahun ini tercapai namun bagaimana pun saya berazam untuk meneruskan untuk memperbaiki diri setiap tahun, baik dalam meningkatkan daya kekuatan, kesihatan, ilmu dan sumbangan kepada masyarakat," ujarnya yang juga merupakan ahli dalam Kumpulan Ashabul Halim sejak tahun 2022 dan dilantik menjadi Ketua Belia Ashabul Halim sejak awal tahun ini.

Ashabul Halim tambah beliau merupakan sebuah organisasi yang terdiri dari golongan belia Masjid Kampung Tungku Katok, di mana antara program yang telah diungkayahkan termasuk program kemasyarakatan dan keagamaan seperti program ceramah, forum, kempen kebersihan, kutipan derma bagi golongan yang kurang berkemampuan (Tahaddhu Tahabbu) dan bermacam lagi.

Ketika ditanya mengapakah seseorang itu perlu mempunyai azam, beliau berkata, azam dan resolusi itu penting kerana ia memberikan kita visi dan matlamat yang jelas untuk dicapai.

Bila ia jelas tambahnya, kita akan lebih mudah untuk konsisten serta mengutamakan aktiviti-aktiviti dan pilihan-pilihan yang mendekatkan kita kepada masa depan yang kita inginkan.

Sementara itu, bagi pemain badminton kebangsaan, Awang Mohammad Marhanif bin Mohd. Ali antara azam beliau ialah untuk meningkatkan kekuatan dan daya tahan fizik selain memperbaiki teknik dan strategi permainan serta menjaga kesihatan secara menyeluruh.

Menurutnya, setiap atlet badminton perlu memiliki kekuatan dan daya tahan fizik yang baik agar dapat membuat jadual latihan yang teratur untuk melibatkan latihan kekuatan, kardio serta kecergasan keseluruhan.

Di samping itu, pemain yang aktif bermain dan mengikuti pertandingan di dalam dan luar negara ini juga berazam membuat jadual yang seimbang antara latihan, pertandingan dan waktu lapang.

Katanya lagi, dengan merancang aktiviti seperti berkumpul dengan rakan-rakan, bercuti, dan menjalankan aktiviti bukan olahraga yang lain, setentunya akan dapat memperoleh waktu untuk bersantai dan memperbaharui energi.

Selain itu, beliau turut berazam untuk dapat menjaga kesihatan fizikal dan mental secara menyeluruh. Ini kerana selain bersukan, mendapat tidur yang cukup, nutrisi yang seimbang dan mengurangkn stres juga adalah mustahak.

"Impian saya pada tahun ini ingin mewakili negara untuk mengikuti Sukan Olimpik namun tidak kesampaian. Walau bagaimanapun, ia tidak menghalang saya untuk berhenti, malah memberikan saya semangat untuk meneruskan dan memperbaiki agar dapat mencapai apa yang saya kehendaki," ujarnya.

Juga mengongsikan azam Tahun Baharu ialah Pegawai Pendidikan yang mengetuai Pusat Pembelajaran Peningkatan Teknologi (CTEL) di Intitut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Dayang Sarinah binti Ziziumiza yang berhasrat bukan sahaja untuk mengembangkan projek yang sedang berjalan dan meningkatkan kemahiran diri tetapi juga melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan membuat dasar bagi pemerkasaan teknologi global.

"Memperkukuh impak inisiatif semasa kekal sebagai keutamaan, di samping membangunkan kemahiran yang diperlukan untuk mengemudi landskap teknologi yang semakin berkembang. Bahkan, saya juga bersemangat untuk menyumbang kepada dialog dasar yang bertujuan untuk memperkasakan komuniti di seluruh dunia melalui teknologi, berusaha untuk mencipta penyelesaian yang mampan dan inklusif pada skala yang lebih besar dan lebih berkesan," jelasnya yang juga Pengasas Bersama bagi Rumine Corporation, sebuah syarikat pemula dalam bidang teknologi.

Beliau turut mengongsikan, antara pencapaian yang telah diraih pada tahun ini tertumpu kepada projek-projek impak sosial di mana beberapa anugerah yang diterima antaranya ialah meraih tempat ketiga dalam KANS Scientific Competition, tempat kedua dalam Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2023, tempat ketiga teratas pada YSEALI Game Changers Program, Smart Nation Award pada Anugerah ICT Brunei (BICTA) 2023 dan banyak lagi.



**AWANG Mohammad Marhanif bin Mohd. Ali dan Awang Muhammad Wafauddin bin Haji Abu Nipah semasa ditemu bual (kiri dan kanan).**

Selain itu, tambahnya, beliau juga menyertai beberapa program latihan dan kemahiran termasuk APWINC Program on Digital Skills & E-Business di Seoul, Korea Selatan, Australian Awards AUS4ASEAN Program di Melbourne dan Adelaide Australia, YSEALI Creative AI and the Cultural Influence Seminar di Ho Chi Minh, Viet Nam, YSEALI Game Changers Program di Kuala Lumpur Malaysia dan YSEALI Summit the Decade of Impact di Bali, Republik Indonesia.

Manakala bagi perancangan tahun hadapan jelasnya, projek-projek yang akan diteruskan termasuk pelaksanaan sistem pengurusan pembelajaran bagi tenaga pengajar IBTE dan membangunkan portal *metaverse* bagi pendidikan teknikal vokasional (VTE).

Dayang Sarinah juga menzahirkan keterujaan mengenai projek transformatif seperti pelancaran Safety XR oleh Rumine Corporation dengan kerjasama MAED Training dari Brunei dan Young and Smart Technology dari Korea Selatan, iaitu platform latihan yang mendalam bagi pertolongan cemas, perlindungan kebakaran dan keselamatan pembinaan.

Beliau juga sedang bersiap sedia bagi program dalam penggubalan dasar, pendidikan digital dan penilaian kesan teknologi.

Kesemua itu jelasnya bertujuan untuk memperhalusi penggubalan dasar, memperkasakan pengajaran digital dan mengukur impak teknologi kepada masyarakat. Dan dengan pembelajaran yang meluas akan dapat mengukuhkan keupayaan beliau untuk memacu perubahan dan inovasi yang bernilai dalam teknologi.

Justeru, sebagai kesimpulan, dengan memiliki keazaman, kita akan lebih rasa mahu untuk berjaya. Jika kita gagal hari ini, tidak bermakna kita akan gagal untuk selamanya. Teruskan niat, berusaha lagi dan cuba ubah taktik untuk mencapai impian awda. Semoga apa yang kita hasrat dan impikan akan dapat dicapai pada Tahun Baharu 2024 nanti, InsyaaAllah.







## Mengaku bersalah, penetapan hukuman 2 Januari ini

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Disember. - Mahkamah Perantaraan akan mempertimbangkan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan minimum tiga kali sebatan terhadap seorang lelaki warga tempatan atas pertuduhan menikam seorang lelaki dan memiliki senjata untuk menyerang di khalayak ramai.

Defendan, Awang Mas Fadilah bin Pungut, 38 tahun, bakal mengetahui nasibnya pada 2 Januari 2024 depan selepas mengaku bersalah di hadapan Majistret Abdul 'Azim bin Othman.

Timbalan Pendakwa Raya, Mohammad Kamal Ariffin bin Ismail menyatakan bahawa defendan memiliki sebilah pisau lipat, senjata untuk menyerang di khalayak ramai.

Dalam kejadian pukul 4.40 petang pada 13 Disember 2023, defendan menikam seorang lelaki berusia 40 tahun di bahagian dada, di sebuah flat kediaman di Kampung Belimbing Subok.

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# BERSEDEKAH MERAIH KEBERKATAN HIDUP

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 30 Disember. - Sedekah merupakan amalan mulia yang dilakukan bagi meraih ganjaran pahala dan membantu meringankan beban yang dihadapi golongan memerlukan.

Lazimnya, umat Islam akan mengambil kesempatan pada bulan Ramadan yang penuh rahmat dan keberkahan untuk mendapatkan ganjaran pahala berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan amalan bersedekah terutama kepada keluarga kurang berkemampuan dan anak yatim.

Walau bagaimanapun, amalan bersedekah digalakkan untuk dilakukan sepanjang masa kerana besarnya ganjaran yang Allah berikan bagi mereka bersedekah dan berinfak di jalan-Nya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Baqarah, ayat 261 : "Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya".

Bersedekah bukan sahaja dalam bentuk wang tetapi juga barangan keperluan lain seperti makanan dan minuman; pakaian, peralatan persekolahan dan malahan barangan terpakai yang masih elok serta boleh digunakan.

Dengan kecanggihan teknologi masa kini, amalan sedekah menjadi lebih mudah dan boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana sahaja melalui pemindahan wang secara dalam talian, pembayaran digital atau fungsi sumbangan dalam aplikasi mudah alih bank tempatan.

Media sosial turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai amalan kebajikan berkenaan antaranya dengan menyebarkan maklumat tentang kempen sedekah yang dianjurkan dan menggalakkan penglibatan orang ramai untuk ikut serta dalam memberikan sumbangan.

Selain itu, sedekah mempunyai makna yang luas dan melibatkan perbuatan kebaikan yang kita lakukan kepada orang lain seperti senyuman yang ikhlas, menyumbangkan khidmat tenaga serta masa untuk membantu mereka yang memerlukan; dan mengajarkan ilmu yang bermanfaat.

Banyak kelebihan yang dapat kita peroleh apabila kita bersedekah di jalan Allah seperti yang disebut di dalam Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Oleh itu, carilah peluang untuk menjadikan sedekah sebagai amalan kebajikan berterusan kerana sebarang bentuk sumbangan yang kita berikan di jalan Allah tidak akan menjadikan kita rugi, tetapi ia memberikan kita kejayaan serta keuntungan di dunia dan akhirat.



**BERSEDEKAH bukan sahaja dalam bentuk wang tetapi juga barangan keperluan lain seperti makanan dan minuman; pakaian, peralatan persekolahan dan malahan barangan terpakai yang masih elok serta boleh digunakan.**

## Kemajuan NBD dalam Laporan IDI, Edisi 2023

**Siaran Akhbar : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 30 Disember. - Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (The International Telecommunication Union – ITU) baru-baru ini mengeluarkan Laporan Indeks Pembangunan ICT (IDI), Edisi 2023 yang menilai 169 ekonomi mengikut tahap ketersambungan dan akses digital mereka berdasarkan prinsip ketersambungan sejagat dan ketersambungan bermakna.

Menurut Siaran Akhbar yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), penerbitan IDI 2023 melaporkan bahawa secara purata, 70 peratus individu dan isi rumah di seluruh dunia boleh mengakses internet.

Manakala kira-kira 82.9 peratus daripada populasi global dianggarkan mempunyai akses kepada perkhidmatan rangkaian mudah alih 4G/LTE.

Di bawah laporan ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) mendapat markah 94.8, markah ke-2 tertinggi dalam kalangan negara ASEAN. Ini disokong oleh tahap tinggi individu dan isi rumah di NBD yang mempunyai akses kepada internet (lebih 90 peratus), dan lebih 96 peratus daripada penduduk mempunyai akses kepada rangkaian mudah alih 4G/LTE.

Perkembangan infrastruktur telekomunikasi dan rangkaian produk dan perkhidmatan telekomunikasi yang pelbagai dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah menyumbang kepada prestasi ini.

Ini mencerminkan usaha berterusan negara untuk membangunkan Sektor ICT bagi menyokong pertumbuhan ekonomi digital negara dan merealisasikan NBD sebagai sebuah Negara Pintar.

Awal tahun ini, perkhidmatan rangkaian mudah alih 5G telah dilancarkan pada 22 Jun 2023 dan kelajuan jalur lebar tetap telah dinaik taraf pada 1 September 2023.

IDI pertama kali diterbitkan pada tahun 2009 sebagai cara untuk memantau pembangunan Sektor ICT di seluruh dunia dan terus berkembang mengikut trend digital global. Laporan semasa menggunakan metodologi IDI baharu dan tidak termasuk sistem penarafan prestasi ekonomi.






# PERSIAPAN SESI PERSEKOLAHAN 2024 GIAT DILAKSANAKAN







**FESTIVAL jualan yang adakan oleh Syarikat Stationery Addict BN kini berlangsung di Ruang, Level 2, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas, kiri dan bawah kanan).**

**Berita dan Foto : Nur Izzah Razali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 30 Disember. – Musim cuti persekolahan akan berakhir tidak lama lagi dan sesi persekolahan tahun 2024 akan bermula pada 2 Januari 2024.

Kelihatan para ibu bapa dan penjaga pada masa ini sedang sibuk membuat persediaan persekolahan anak-anak mereka sebelum bermulanya sesi persekolahan pada 2 Januari 2024.

Semestinya para ibu bapa dan penjaga sedang sibuk mendapatkan buku-buku kerja, teks dan peralatan sekolah mengikut senarai dan keperluan yang diminta daripada pihak sekolah.

Selain penyediaan peralatan sekolah, pakaian seragam sekolah juga turut mendapat perhatian para ibu bapa dan penjaga untuk menggantikan pakaian lama yang tidak boleh digunakan lagi.

Sehubungan dengan itu, festival jualan yang adakan oleh Syarikat Stationery Addict BN kini berlangsung di Ruang, Level 2, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah selama dua hari bermula hari ini sehingga 31 Disember 2023 dan dibuka untuk kunjungan orang ramai bermula jam 12.00 tengah hari hingga 8.00 malam.

Antara tujuan festival berkenaan diadakan adalah bagi membantu mempromosikan perniagaan dalam talian tempatan, terutamanya barangan alat tulis dan sebagainya.

Semua alat tulis berkenaan diimport dari luar negeri, tambahan pula beberapa vendor tempatan juga turut mencipta produk mereka sendiri. Inilah masa terbaik untuk memperkenalkan produk mereka kepada orang ramai.

Dengan adanya festival berkenaan akan dapat membantu lebih ramai rakyat negara ini untuk berbelanja dengan lebih teratur dengan pelbagai jenis perancangan dan boleh mendapat inspirasi daripada semua alat tulis yang unik.

Orang ramai juga boleh ikuti Instagram mereka di *@stationerymarket.bn.*






## BIBD kemas kini waktu operasi cawangan seluruh negara

**Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Disember. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mengumumkan peralihan waktu operasi cawangannya di seluruh negara, berkuat kuasa 1 Januari 2024.

Di bawah jadual baharu itu, semua cawangan BIBD kecuali Cawangan Rimba akan dibuka dari 8.30 pagi hingga 3.45 petang pada Isnin hingga Khamis, manakala dari 8.30 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.30 petang hingga 3.30 petang pada Jumaat.

Bagi memenuhi keperluan perbankan hujung minggu, cawangan-cawangan ini akan beroperasi dari 8.30 pagi hingga 11.15 pagi pada Sabtu.

Sementara itu, waktu operasi pada Isnin hingga Khamis di Cawangan Rimba adalah dari 8.45 pagi hingga 4.00 petang untuk perkhidmatan *concierge* dan 10.00 pagi hingga 5.15 petang untuk perkhidmatan pembiayaan.

Pada Jumaat, waktu operasi di Cawangan Rimba adalah dari 2.30 petang hingga 4.00 petang untuk perkhidmatan *concierge* dan untuk perkhidmatan pembiayaan, 10.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.30 petang hingga 4.45 petang.

Cawangan Rimba juga dibuka pada Sabtu dari 8.45 pagi hingga 11.15 pagi untuk perkhidmatan *concierge*, dan 10.00 pagi hingga 12.15 tengah hari untuk perkhidmatan pembiayaan. Semua cawangan BIBD ditutup pada Ahad dan Cuti Umum.

Untuk memastikan peralihan yang lancar, BIBD akan memaklumkan waktu-waktu yang dikemas kini melalui saluran media sosial dan papan tanda cawangannya. Selain itu, semua Mesin Juruwang Automatik (ATM) BIBD dan perkhidmatan perbankan dalam talian kekal boleh diakses 24/7 untuk kemudahan tambahan.

BIBD kekal komited untuk menyediakan penyelesaian perbankan yang inovatif dan boleh diakses kepada pelanggan dan orang ramai, memastikan setiap orang berpeluang untuk merasai rangkaian penuh produk dan perkhidmatan BIBD mengikut keselesaan masing-masing.




**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**
1. **'Memupuk Semangat Kesukarelawanan'.** Tarikh Tutup : **3 Januari 2024**
2. **'Meningkatkan Kecemerlangan Dalam Pendidikan'.** Tarikh Tutup : **10 Januari 2024**
3. **'Azam Tahun Baharu, perlu dicapai'.** Tarikh Tutup : **17 Januari 2024**

**TERMA DAN SYARAT :**
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

*E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn*

**Menangi BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

## سوارا سوچي

# محاسبة ديري منوجو تاهون بارو

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤدڽ. سسڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠإيڠتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، براوله كجيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوڬ دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

الحمدلله، برشكور كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ كران دڠن ليمڤه رحمة دان كاسيه سايڠڽ جوا، كيني كيت تله ڤون برادا دڤڠهوجوڠ تاهون دان اكن ملڠكه كأمبڠ تاهون بارو مسيحي ٢٠٢٤.

كيت برشكور كران دسڤنجڠ تاهون ٢٠٢٣ اين، كيت داڤت منعمتي كهيدوڤن يڠ امان دان معمور دبومي دارالسلام يڠ برتواه اين. مك انتوق ايت، ماريله كيت سام-سام مرافعكن دعاء، سموڬ نعمت كأمانن دان نعمت كمعمورن اين اكن داڤت ڤول كيت نعمتي دتاهون ٢٠٢٤. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة إبراهيم أية ٧:

**دان (إيڠتله) كتيك توهن كامو ممبريتاهو (دڠن سجلس-جلسڽ): "دمي سسڠݢوهڽ جك كامو برشكور (ترهادڤ سݢل نعمتكو) تنتو اكو اكن منمبه نعمت ايت كڤد كامو دان دمي سسڠݢوهڽ جك كامو كوفور (ترهادڤ نعمت ايت) مك سسڠݢوهڽ عذابكو ساڠت كراس".**

ڤلباݢاي ڤريستيوا سوكا-دوكا، ڤاهيت دان مانيس تله كيت تمڤوه دان هادڤي دسڤنجڠ تاهون اين. سباݢاي اورڠ يڠ برإيمان، كيت هندقله ميقيني بهاوا سݢل يڠ برلاكو ايت مروڤاكن كتنتوان دان كتتڤن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ يڠ ڤرلو دمحاسبة أݢر كيت داڤت مرنچڠ دان مرنچان سسواتو يڠ لبيه بايك انتوق ماس اكن داتڠ. ڤرلوڽ ستياڤ اورڠ برمحاسبة، اداله برداسركن فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دالم سورة الحشر أية ١٨:

**واهي اورڠ-اورڠ يڠ برإيمان! برتقوى له كڤد الله دان هندقله ستياڤ اورڠ ممرهاتيكن اڤ يڠ تله دسدياكنڽ انتوق هاري إيسوق (هاري أخيرة) دان برتقوى له كڤد الله. سسڠݢوهڽ الله مها تليتي ترهادڤ اڤ يڠ كامو كرجاكن.**

برداسركن أية القرآن ترسبوت، كيت دإيڠتكن سوڤاي محاسبة ديري مڠنأي بكلن انتوق منوجو كبهݢيأن هيدوڤ دأخيرة كلق دان برأوسها انتوق ممڤربايكي ديري سنديري.

جماعه يڠ درحمتي الله،

رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مڽيڤتكن بهاوا اورڠ يڠ سنتياس برمحاسبة دان ممڤربايكي ديري ايت سباݢاي اورڠ يڠ بيجق. درڤد شدَّاد بن أَوس رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **الكَيِس من دانَ نَفْسَه، وعمِل لما بعد الموت، والعاجزُ من أَتْبعَ نَفْسَه هواها وتَمَنَّى على الله.**

**مقصودڽ:**

**اورڠ يڠ بيجق اداله مريك يڠ برمحاسبة ديرين سنديري دان برعمل انتوق كهيدوڤن سلڤس كماتين، سداڠكن اورڠ يڠ لمه اياله اورڠ يڠ ديرين سلالو مڠيكوتي هاوا نفسوڽ دان مڠهارڤ-هارڤكن كمورهن درڤد الله تنڤا برعمال صالح. {حديث رواية إمام ترمذي}**

كيت سلاكو همبا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دتونتوت انتوق برمحاسبة سام اد كيت تله ميمڤورناكن دان منونيكن سݢل كواجڤن يڠ تله دڤرينتهكن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ كأتس كيت. اين ترماسوقله منيلاي كسڠݢوهن كيت دالم منطاعتي سݢل ڤرينته دان لارڠن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ سڤرتي منديريكن سمبهيڠ فرض ليما وقتو، منونيكن زكاة، برڤواس، منجاوهي ڤربواتن موڠكر سڤرتي جوري، ريبا، رشواه دان سأومڤماڽ.

دسمڤيڠ ايت، كيت جوڬ ڤرلو منيلاي دان ممريقسا سام اد كيت تله برحاصل اتوڤون سباليقڽ دالم منناي دان ملقسناكن توݢس، ڤرانن دان تڠݢوڠجواب ديري كيت سباݢي إيبوباڤ، تڠݢوڠجواب سباݢي سأورڠ أنق، توݢس سباݢي سأورڠ ڤلاجر، توݢس سباݢي ڤكرجا، كتوا دان سأومڤماڽ.

ستله محاسبة، جك كيت برادا ڤد تاهڤ يڠ بايك، مك اي ڤرلو دتروسكن، دڤرتيڠكتكن دان دتمبه نيلاي. مانكالا جك سباليقڽ، اڤ يڠ كيت داڤت دري حاصل محاسبة ايت، كيت مراساكن بهاوا ماسيه ترداڤت ككوراڠن، كلمهن دان كبوروقن، مك كيت هندقله ملاكوكن ڤروبهن كأره كبايكن.

ڤرلو دإيڠت، بهاوا انتوق ملاكوكن ڤروبهن ايت بوكنله سقدر دڠن أڠن-أڠن كوسوڠ ماهوڤون خيالن سمات-مات. ڤروبهن ايت مستيله دسوسولي دڠن تيندقن، عزم دان أوسها يڠ برسڠݢوه-سڠݢوه.

أخيرڽ، برسمڤنا كيت باݢل مماسوقكي تاهون بارو اين، ماريله كيت برمحاسبة دان منانمكن عزم انتوق ممڤربايكي إيمان كيت أݢر سنتياس ملاكوكن ڤروبهن انتوق منجادي مسلم يڠ لبيه برتقوى، لبيه ڤاتوه دان منطاعتي سݢل ڤرينته دان لارڠن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ سرت ڤنوه برسماڠة دان بركيقينن مڠݢالس سموا تڠݢوڠجواب دان أمانه دالم كهيدوڤن بركلوارڬ، برمشاركة دان برنݢارا. موده-مودهن دڠن يڠ دمكين الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ اكن مليمڤهكن رحمتڽ بروڤا كتݢوهن إيمان، كصيحتن، كأمانن، دان كمعمورن انتوق كيت سموا. آمين يا ربَّ العالمين.

**كمودين اڤبيل أڠكو تله برعزم (انتوق بربوات سسواتو سسوده برمشوارت) مك برتوكل له كڤد الله (ملقسناكنڽ). سسڠݢوهڽ الله مڠاسيحي اورڠ-اورڠ يڠ برتوكل. { سورة آل عمران أية : ١٥٩ }**

**بارك الله لنا فى القرآن الْعظيم، ونفعنا بالْأيات والذِّكْر الْحكيم. وتقبَّل منّا تلاوته إنّه هوالسَّميع الْعليم. وأَستغفرالله الْعظيم لى ولكُم ولسآئر الْمسلمين والْمسلمات والْمؤمنين والْمؤمنات فاستغفروه فيا فوز الْمستغفرين ويانجاة التّآئبين.**

Jabatan Penerangan

جابتن ڤنرڠن

**JABATAN PENERANGAN**

JABATAN PERDANA MENTERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

40 TAHUN

**Negara Merdeka Penuh Berdaulat**

کالينددر ٢٠٢٤

# KALENDAR 2024

| Hari | JANUARI Jamadilakhir / Rejab 1445H | FEBRUARI Rejab / Syaaban 1445H | MAC Syaaban / Ramadan 1445H | APRIL Ramadan / Syawal 1445H | MEI Syawal / Zulkaedah 1445H | JUN Zulkaedah / Zulhijah 1445H | JULAI Zulhijah 1445H / Muharam 1446H | OGOS Muharam / Safar 1446H | SEPTEMBER Safar / Rabiulawal 1446H | OKTOBER Rabiulawal / Rabiulakhir 1446H | NOVEMBER Rabiulakhir / Jamadilawal 1446H | DISEMBER Jamadilawal / Jamadilakhir 1446H |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| ISNIN | 1 Awal Tahun Masihi 19 | | | 1 21 | | | 1 24 | | 30 26 | | | 30 28 |
| SELASA | 2 20 | | | 2 22 | | | 2 25 | | | 1 27 | | 31 29 |
| RABU | 3 21 | | | 3 23 | 1 22 | | 3 26 | | | 2 28 | | |
| KHAMIS | 4 22 | 1 20 | | 4 24 | 2 23 | | 4 27 | 1 26 | | 3 29 | | |
| JUMAAT | 5 23 | 2 21 | 1 20 | 5 25 | 3 24 | | 5 28 | 2 27 | | 4 30 | 1 28 | |
| SABTU | 6 24 | 3 22 | 2 21 | 6 26 | 4 25 | 1 (Sebagai ganti Jumaat) 23 | 6 29 | 3 28 | | 5 1 | 2 29 | |
| AHAD | 7 25 | 4 23 | 3 22 | 7 27 | 5 26 | 2 24 | 7 Awal Tahun Hijrah 1446 *1 | 4 29 | 1 27 | 6 2 | 3 1 | 1 29 |
| ISNIN | 8 26 | 5 24 | 4 23 | 8 28 | 6 27 | 3 25 | 8 (Sebagai ganti Ahad) 2 | 5 30 | 2 28 | 7 3 | 4 2 | 2 30 |
| SELASA | 9 27 | 6 25 | 5 24 | 9 29 | 7 28 | 4 26 | 9 3 | 6 1 | 3 29 | 8 4 | 5 3 | 3 1 |
| RABU | 10 28 | 7 26 | 6 25 | 10 Hari Raya Aidilfitri *1 | 8 29 | 5 27 | 10 4 | 7 2 | 4 30 | 9 5 | 6 4 | 4 2 |
| KHAMIS | 11 29 | 8 Israk dan Mikraj 27 | 7 26 | 11 Hari Raya Aidilfitri *2 | 9 30 | 6 28 | 11 5 | 8 3 | 5 1 | 10 6 | 7 5 | 5 3 |
| JUMAAT | 12 30 | 9 28 | 8 27 | 12 Hari Raya Aidilfitri *3 | 10 1 | 7 29 | 12 6 | 9 4 | 6 2 | 11 7 | 8 6 | 6 4 |
| SABTU | 13 1 | 10 Tahun Baharu Cina 29 | 9 28 | 13 (Sebagai ganti Jumaat) *4 | 11 2 | 8 1 | 13 7 | 10 5 | 7 3 | 12 8 | 9 7 | 7 5 |
| AHAD | 14 2 | 11 1 | 10 29 | 14 5 | 12 3 | 9 2 | 14 8 | 11 6 | 8 4 | 13 9 | 10 8 | 8 6 |
| ISNIN | 15 3 | 12 2 | 11 30 | 15 6 | 13 4 | 10 3 | 15 Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-78 9 | 12 7 | 9 5 | 14 10 | 11 9 | 9 7 |
| SELASA | 16 4 | 13 3 | 12 Awal Ramadan *1 | 16 7 | 14 5 | 11 4 | 16 10 | 13 8 | 10 6 | 15 11 | 12 10 | 10 8 |
| RABU | 17 5 | 14 4 | 13 2 | 17 8 | 15 6 | 12 5 | 17 11 | 14 9 | 11 7 | 16 12 | 13 11 | 11 9 |
| KHAMIS | 18 6 | 15 5 | 14 3 | 18 9 | 16 7 | 13 6 | 18 12 | 15 10 | 12 8 | 17 13 | 14 12 | 12 10 |
| JUMAAT | 19 7 | 16 6 | 15 4 | 19 10 | 17 8 | 14 7 | 19 13 | 16 11 | 13 9 | 18 14 | 15 13 | 13 11 |
| SABTU | 20 8 | 17 7 | 16 5 | 20 11 | 18 9 | 15 8 | 20 14 | 17 12 | 14 10 | 19 15 | 16 14 | 14 12 |
| AHAD | 21 9 | 18 8 | 17 6 | 21 12 | 19 10 | 16 9 | 21 15 | 18 13 | 15 11 | 20 16 | 17 15 | 15 13 |
| ISNIN | 22 10 | 19 9 | 18 7 | 22 13 | 20 11 | 17 Hari Raya Aidiladha *10 | 22 16 | 19 14 | 16 Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam 12 | 21 17 | 18 16 | 16 14 |
| SELASA | 23 11 | 20 10 | 19 8 | 23 14 | 21 12 | 18 11 | 23 17 | 20 15 | 17 13 | 22 18 | 19 17 | 17 15 |
| RABU | 24 12 | 21 11 | 20 9 | 24 15 | 22 13 | 19 12 | 24 18 | 21 16 | 18 14 | 23 19 | 20 18 | 18 16 |
| KHAMIS | 25 13 | 22 12 | 21 10 | 25 16 | 23 14 | 20 13 | 25 19 | 22 17 | 19 15 | 24 20 | 21 19 | 19 17 |
| JUMAAT | 26 14 | 23 Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 13 | 22 11 | 26 17 | 24 15 | 21 14 | 26 20 | 23 18 | 20 16 | 25 21 | 22 20 | 20 18 |
| SABTU | 27 15 | 24 (Sebagai ganti Jumaat) 14 | 23 12 | 27 18 | 25 16 | 22 15 | 27 21 | 24 19 | 21 17 | 26 22 | 23 21 | 21 19 |
| AHAD | 28 16 | 25 15 | 24 13 | 28 19 | 26 17 | 23 16 | 28 22 | 25 20 | 22 18 | 27 23 | 24 22 | 22 20 |
| ISNIN | 29 17 | 26 16 | 25 14 | 29 20 | 27 18 | 24 17 | 29 23 | 26 21 | 23 19 | 28 24 | 25 23 | 23 21 |
| SELASA | 30 18 | 27 17 | 26 15 | 30 21 | 28 19 | 25 18 | 30 24 | 27 22 | 24 20 | 29 25 | 26 24 | 24 22 |
| RABU | 31 19 | 28 18 | 27 16 | | 29 20 | 26 19 | 31 25 | 28 23 | 25 21 | 30 26 | 27 25 | 25 Hari Krismas 23 |
| KHAMIS | | 29 19 | 28 Memperingati Nuzul Al-Quran 17 | | 30 21 | 27 20 | | 29 24 | 26 22 | 31 27 | 28 26 | 26 24 |
| JUMAAT | | | 29 18 | | 31 Hari Ulang Tahun ABDB Ke-63 22 | 28 21 | | 30 25 | 27 23 | | 29 27 | 27 25 |
| SABTU | | | 30 19 | | | 29 22 | | 31 26 | 28 24 | | 30 28 | 28 26 |
| AHAD | | | 31 20 | | | 30 23 | | | 29 25 | | | 29 27 |

Cuti Persekolahan Penggal I (April)

Cuti Persekolahan Penggal II (Ogos)

Cuti Persekolahan Penggal III (Disember)

**Rujukan:** Jabatan Perdana Menteri | Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan | Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama | Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
**Jawatankuasa Editorial:** Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah | Sastra Sarini binti Haji Julaini | Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya | Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar | Ali Termizzi bin Haji Ramli/Haji Ramli | Musa bin Mohidin | Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya | Noriah binti Haji Abdul Hamid | Mohammad Rainie bin Haji Durani | Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir | Hajah Rosidah binti Haji Ismail | Ezawati Hanim binti Abdullah @ Dk. Nasibahanim binti Pg. Haji Bakar | Mohamad Azmi bin Awang Damit | Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman | Mufidah binti Abdul Hakim | Haji Khairulanwar bin Haji Ibrahim | Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar | Dalia Majdina binti Dato Seri Setia Haji Lamit | Izzah Hazirah binti Haji Adi Othman | Nurhamiza binti Awang Haji Rosian | Siti Imasuhidah @ Salina binti Matali
**Jawatankuasa Perisian:** Nor Hanizah binti Haji Abd Halim | Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir | Hajah Siti Muslihat binti Haji Salleh | Syakirah binti Matusin | Nor Zuriana binti Haji Azman/Malai | Nurul Hazwani binti Abu Omar | Noraisah binti Muhammed | Hajah Nurizan binti Mohd. Irwan | Siti Faizahanisah binti Awang Mahani | Nurul Halimatul Syahadah binti Hasnal
**Grafik & Reka Letak:** Khairul Shaharim bin Haji Abdul Ghafor | Mohammad bin Kahar | Mohammad Arbby bin Haji A.M. Soehine | Muhammad Abdul Malek Ridwan bin Haji A. Hamid
**Sumber Foto:** Unit Foto, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Brunei Darussalam | infodept.bn | infodept_bn

Pelita Brunei | Pelita Brunei | pelitabrunei

**Panggilan Kecemasan**

| AMBULANS | POLIS | BOMBA | MENCARI & MENYELAMAT |
|---|---|---|---|
| 991 | 993 | 995 | 998 |

123

- Cuti Awam
- Cuti-Cuti Penggal Persekolahan
- * Tertakluk Kepada Perubahan

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سݢل جنيس ڤڽاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ
سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ العَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ
ٱلْحَوَآئِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَآئِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَاْ عَبْدُكَ،
وَأَنَاْ عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُۥ لَا يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذکر بچاءن يڠ ممباوا کبراونتوڠن ساڠت بسر کڤد ڤڠعملن ( تولق بلاء)

**(1)**

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**<u>Kes No. BCY / CP / 259 / 2009</u>**

**Baiduri Finance Berhad (Previously Filed By HSBC Finance (B) Berhad) - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Janidi Bin Haji Yahya (BYIC No. 00-062774) - Penghutang Penghakiman / Penentang**

**<u>Notis Pembatalan</u>**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 7 November 2009 telah dibatalkan pada 12 Oktober 2023.

**Nama Penghutang :**
**Janidi Bin Haji Yahya**

**Alamat Penghutang :**
**No. 6, Spg. 1821-31,**
**Kg. Junjongan, BH2123,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Bertarikh :**
**16 Oktober 2023**

**<u>Kes No. BCY / CP / 159 / 2017</u>**

**Baiduri Finance Berhad (Previously Filed By HSBC Finance (B) Berhad) - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Iffah Nur Afiqah Binti Mandin (BYIC No. 00-252960) - Penghutang Penghakiman / Penentang**

**<u>Notis Pembatalan</u>**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **24 Ogos 2017 telah dibatalkan pada 14 Oktober 2023**.

**Nama Penghutang :**
**Iffah Nur Afiqah Binti Mandin**

**Alamat Penghutang :**
**No. 7, Spg. 61, Kg Manggis Dua,**
**Jalan Muara BC3515,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Bertarikh :**
**16 Oktober 2023**

**Dk Siti Nursu'aidah Binti Pg Jufrizar @ Pg Tajuddin**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar**

**<u>Kes No. BCY / CP / 166 / 2022</u>**

**BIBD At-Tamwil Berhad - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Muhammad Nazim Haffiz @ Muhammad Haffiz Bin Kekal (BYIC No. 01-061084 ) - Penghutang Penghakiman / Penentang**

**<u>Notis Perintah Penerimaan</u>**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **23 September 2023**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Muhammad Nazim Haffiz @**
**Muhammad Haffiz Bin Kekali**
**No. 28, Simpang 1856,**
**Kg Bukit, Tutong TF3147,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**2 Disember 2022**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh :**
**18 Oktober 2023**

**<u>Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama</u>**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **23 September 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 11 Januari 2024, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **11 Januari 2024, jam 9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**18 Oktober 2023**

**Hajah Normazdina Binti Haji Md. Maskub**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar**

**<u>Kes No. BCY / CP / 36 / 2019</u>**

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Haji Basar Bin Salleh (BYIC No. 00-077428) - Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **23 September 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Haji Basar Bin Salleh**
**No. 132, Jalan 9, RPN Kg Rimba,**
**Gadong,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**2 Mei 2022**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh :**
**23 Oktober 2023**

**<u>Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama</u>**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **23 September 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi**, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 12 Disember 2023, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **12 Disember 2023, jam 9.00 Pagi** di Mahkamah Besar**.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**23 Oktober 2023**

**Muhd. Muzakkir Bin Haji Zakaria**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar**

**<u>Kes No. BCY / CP / 178 / 2013</u>**

**Bank Islam Darussalam Berhad - Pemiutang / Pemetisyen**

**Matzelan Bin Awang Ahad (Kad Pengenalan Brunei No. 288378 - ABDB) - Penghutang / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 12 Oktober 2023.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Matzelan Bin Awang Ahad**
**No. 99, Lot 80, Spg 637-93,**
**Kg STKRJ Lambak Kiri BB1114,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Permohonan :**
**14 Ogos 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh :**
**16 Oktober 2023**

**<u>Kes No. BCY / CP / 450 / 2017</u>**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang -** Mohammad Nazrin bin Muhammad Nawawi (BYIC No. 01-036708) - **Alamat -** No. 8, Simpang 31, Jalan Nibong, RPN Lumut, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam. Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor -Kebankrapan Bil. 450 Tahun 2017. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 77.4 sen Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila Kena Dibayar - 31 Julai 2023. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
**23 Oktober 2023**

**<u>Kes No. BCY / CP / 249 / 2004</u>**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang -** Zamri bin Haji Jamaluddin (BYIC No. 00-250594) - **Alamat -** No. 10, Simpang 52-91, Kampong Mata-Mata, Gadong BE1718, Negara Brunei Darussalam. Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor – Kebankrapan Bil. 249 Tahun 2004. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 27.1 sen Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila Kena Dibayar - 26 Jun 2023. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
**23 Oktober 2023**

**<u>Kes No. BCY / CP / 163 / 2018</u>**

**<u>Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua</u>**

**Nama Penghutang –** Hj Mahmud bin Hj Ghani (BYIC No. 00-264134) - **Alamat** - No. 1, Blok E, Barek Plis Kawalan Diraja, Jalan Istana Darul Hana, Negara Brunei Darussalam. Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor - Kebankrapan Bil. 163 Tahun 2018. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 20.1 sen Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila Kena Dibayar - 12 Julai 2023. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
**23 Oktober 2023**

**<u>Kes No. BCY / CP / 123 / 2010</u>**

**<u>Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua</u>**

**Nama Penghutang –** Matusin bin Hj Abas (BYIC No. 00-050280) - **Alamat** - No. 4, Spg 120-48-70-23, STKRJ Kampong Mumong, Kuala Belait, KA1531, Negara Brunei Darussalam. Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor - Kebankrapan Bil. 123 Tahun 2010. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 64.4 sen Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila Kena Dibayar - 26 Jun 2023. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
**23 Oktober 2023**

**<u>Kes No. BCY / CP / 508 / 2011</u>**

**<u>Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Ketiga</u>**

**Nama Penghutang -** Pg. Lademan bin Pg. Hj Md. Tahir (BYIC No. 00-258806) - **Alamat** - No. 3, Simpang 391, Kg. Lambak, Jalan Lambak, Jalan Pasir Berakas BB1314, Negara Brunei Darussalam. Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor - Kebankrapan Bil. 508 Tahun 2011. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 28.6 sen Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila Kena Dibayar - 26 Jun 2023. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
**23 Oktober 2023**

**<u>Kes No. BCY / CP / 202 / 2010</u>**

**<u>Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir</u>**

**Nama Penghutang -** Tiara binti Haji Osman - JD1 (BYIC No. 00-120607) - **Alamat** - No. 3B, Spg 287-17, Kg Subok, Bandar Seri Begawan, BD2717, Negara Brunei Darussalam. Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor - Kebankrapan Bil. 202 Tahun 2010. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100 sen Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila Kena Dibayar - 13 Julai 2023. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
**23 Oktober 2023**

**<u>Kes No. BCY / CP / 235 / 2005</u>**

**<u>Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir</u>**

**Nama Penghutang -** Abd. Wahab bin Tamit - (BYIC No. 00-077118) - **Alamat** - No. 15, Spg 52-22-18, Jalan Sedaman Barat, STKRJ Tanah Jambu BU1129, Negara Brunei Darussalam. Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor -Kebankrapan Bil. 235 Tahun 2005. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100 sen Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila Kena Dibayar - 13 Julai 2023. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
**23 Oktober 2023**

**Nuuror-Raheebah Haji Abd. Wahab**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar**


KETAHUI SUMBER GARAM AWDA
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH
GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM
TIPS
1 Pilih makanan segar dan tidak berproses
2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk
JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN
1385 mg
1 bungkus
Mee Segera
1000 mg
Sebiji
Telur Masin
880 mg
1 sudu makan
Kicap
376 mg
3 sudu makan
Corned Beef
295 mg
1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang
243 mg
1 bungkus kecil
Keropok Udang Tempatan
120 mg
1 cawan
Kentang Goreng
116 mg
Segenggam
Kacang Tanah (Salted)
15 mg
3 keping
Kraker Beras
2.4 mg
1/2 cawan
Amping
1.7 mg
Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)
1.2 mg
Sebiji ukuran sederhana
Pisang
Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari
Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok
hpcbrunei
Health Promotion Centre
Talian Darussalam 123

**Oleh : Meja Rencana,
Seksyen Kandungan Khas,
Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan**

SIRI KEEMPAT

# Rentetan Peristiwa Sepanjang Tahun 2023




**Kebawah DYMM berkenan dikurniakan ‘National Gold Medal’**

**VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO**, Selasa, 3 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Pengurniaan ‘National Gold Medal’. Berangkat mengiringi, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda ‘Abdul Mateen. Semasa majlis tersebut, Presiden Laos, Tuan Yang Terutama Thongloun Sisoulith telah menganugerahkan ‘National Gold Medal’ ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang mana anugerah ini merupakan anugerah tertinggi yang diberikan kepada para pemimpin bagi mengiktiraf sumbangan dan dedikasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap pengukuhan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Laos sepanjang 30 tahun ini.

**Perasmian Projek Arca ASEAN**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 12 Oktober. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan Majlis Perasmian Arca ASEAN, iaitu Laluan ASEAN (ASEAN Walk) dan Pelancaran Projek ASEAN Walk yang berlangsung di Taman Persiaran Damuan. Projek Taman Arca ASEAN, sebuah projek di bawah Jawatankuasa Kecil Kebudayaan, ASEAN-COCI Brunei Darussalam, dan projek ASEAN Walk adalah antara Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) deliverables semasa Negara Brunei Darussalam mempengerusikan ASEAN pada tahun 2021.

**SEAMEO VOCTECH terima Anugerah Rakan Kongsi Terhormat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 21 Oktober. - Pusat Serantau TVET SEAMEO VOCTECH baru-baru ini telah diberi penghormatan dengan Anugerah Rakan Kongsi Terhormat (Distinguished Partner Award) oleh Institut Pendidikan Teknikal - Perkhidmatan Pendidikan (ITEES) Singapura semasa Majlis Memperingati Ulang Tahun Ke-20 ITEES Singapura. Pengiktirafan tersebut adalah sebagai bukti komitmen SEAMEO VOCTECH yang tidak berbelah bahagi dan sumbangan luar biasa kepada peningkatan Pendidikan Teknikal dan Pembangunan Kemahiran Guru di seluruh Asia Tenggara.

**Pengintegrasian mata pelajaran ugama dalam sistem pendidikan umum**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Oktober. - Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-39 bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan sukacita mengumumkan ‘Pelaksanaan Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama ke Dalam Sistem Pendidikan Umum’ yang bermula pada Rabu, 17 Rabiulakhir 1445H bersamaan 1 November 2023M. Melalui pengintegrasian ini, mata-mata pelajaran yang lazimnya diajarkan di sekolah-sekolah ugama akan diserapkan ke dalam kurikulum pendidikan umum di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta termasuk sekolah-sekolah antarabangsa. Pengintegrasian ini hanya akan melibatkan pelajar-pelajar yang sedang menuntut pada peringkat Pra sehingga Darjah III ugama.

**Berkenan merasmikan UTB-STE Connect 2023**

**BERAKAS**, Selasa, 24 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang juga Pro-Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan berangkat merasmikan UTB Science, Technology and Engineering Connect (UTB-STE Connect) yang pertama, tahun 2023.

**Berkenan berangkat ke majlis The Chairman’s Awards 2023**

**JERUDONG**, Rabu, 1 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sdn. Bhd. (BSM) berkenan berangkat ke majlis The Chairman’s Awards 2023 yang berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei. Anugerah The Chairman’s Awards berkenaan dapat memberi inspirasi kepada rakan kongsi untuk meningkatkan kemahiran dan merangka strategi baharu untuk menarik minat dalam ekosistem BSM.

**Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama di Jalan Menteri Besar.

**Lebih 8 ribu peserta sertai ‘Steps for Solidarity : A Fundraising Peace Walk for the Palestinian Humanitarian Fund’**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 5 November. - Lebih 8,000 orang terdiri daripada masyarakat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam termasuk kumpulan komuniti diplomatik di negara ini telah menyertai ‘Steps for Solidarity : A Fundraising Peace Walk for the Palestinian Humanitarian Fund’ yang berlangsung di BIBD Connects, Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara. Acara berjalan kaki sejauh 2.5 kilometer itu bermula 6.00 pagi dari BIBD Connects dan sepanjang Taman Mahkota Jubli Emas sebagai acara utama, dan berakhir di BIBD Connects.

**Norwegian Jewel julung kali berlabuh singgah ke negara ini**

**MUARA**, Isnin, 6 November. - Sektor Pelancongan persiaran kembali meriah apabila Pusat Kapal Persiar (Cruise Ship Centre), Pelabuhan Muara sekali lagi mengalu-alukan ketibaan kapal persiar Norwegian Jewel yang buat pertama kali berlabuh singgah ke negara ini. Berasal dari Kepulauan Bahamas di Caribbean, Norwegian Jewel yang membawa seramai 2,302 penumpang dan 1,030 anak kapal itu, merupakan kapal persiaran keempat yang melawat Negara Brunei Darussalam tahun ini, selepas ketibaan Oceania Insignia pada 21 Mei yang lalu.

**Lawatan Negara Presiden Republik Demokratik Timor-Leste mencerminkan persahabatan kedua buah negara**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 6 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ’Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Presiden Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dr. José Ramos-Horta ke Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman bagi Majlis Perjumpaan Dua Hala. Lawatan Negara ini mencerminkan persahabatan yang telah lama terjalin dan komitmen dalam merapa tkan hubungan antara kedua-dua buah negara.

**Berkenan menerima mengadap Yang di-Pertua Negeri Melaka**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 9 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd. Rustam dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman yang mengadakan lawatan ke negara ini selama tiga hari.

**Kebawah DYMM berkenan mengepalai Acara Riadah Berkuda**

**JERUDONG**, Ahad, 12 November. - Persatuan Polo Diraja Brunei buat kali ketiga menganjurkan Acara Riadah Berkuda sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussa lam yang Ke-77, Tahun 2023. Berangkat mengepalai Acara Riadah Berkuda tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Penaung Diraja Persatuan Polo Diraja Brunei.

**Berkenan berangkat ke Asia-Pacific Economic Leaders’ Meeting**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Asia-Pacific Economic Leaders’ Meeting (AELM) yang bermula 15 hingga 17 November 2023 di San Francisco, Amerika Syarikat.

**Sistem ‘Processed Food Import Registration’ mula diakses 23 November 2023**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 18 November. - Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFA) mengenalkan sistem dalam talian yang baharu bagi pendaftaran makanan berproses yang diimport. Sistem berkenaan dinamakan ‘Processed Food Import Registration’ (PFIR) yang akan menggantikan sistem ‘Pendaftaran Makanan Import’ pada masa ini dalam portal *e-Darussalam*. Sistem baharu berkenaan diakses mulai Khamis, 23 November 2023.

**Berangkat menghadiri APEC Economic Leaders’ Informal Dialogue and Working Lunch with Guest Economies**

**SAN FRANCISCO, AMERIKA SYARIKAT**, Khamis, 16 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri APEC Economic Leaders’ Informal Dialogue and Working Lunch with Guest Economies yang berlangsung di Moscone Center, San Francisco, Amerika Syarikat.

**Istiadat Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran, Istiadat Mengurniakan Tauliah Manteri Hulubalang**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda ‘Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah berkenan berangkat selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menyempurnakan Istiadat Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran dan Istiadat Mengurniakan Tauliah Manteri Hulubalang yang berlangsung di Surau Istana Nurul Iman.

**>> Muka 20**

>> Muka 19

**Kepentingan ekosistem keseimbangan gender dalam sukan Brunei**

**BERAKAS**, Selasa, 21 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Seminar Wanita dalam Sukan anjuran Perwakilan Wanita, BDNOC melalui Jawatankuasa Ekuiti Gender di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Seminar Wanita dalam Sukan diadakan bertujuan untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran kepada golongan wanita tentang kepentingan ekosistem keseimbangan gender dalam sukan Brunei, telah mengetengahkan pelbagai topik.

**Berkenan menyempurnakan Istiadat Mengurniakan Tauliah Manteri Hulubalang**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 22 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menyempurnakan Istiadat Mengurniakan Tauliah Manteri Hulubalang yang berlangsung di Surau Istana Nurul Iman.

**Keberangkatan Tidak Berjadual ke Ibu Pejabat, Syarikat BSP**

**SERIA**, Selasa, 28 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Ibu Pejabat, Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP) di Panaga, Seria.

**Berkenan berangkat ke World Climate Action Summit**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 30 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Dubai, Emiriah Arab Bersatu bagi menghadiri World Climate Action Summit yang akan diadakan pada 1 - 2 Disember 2023 semasa 'The 28th Conference of Parties to the United Nations Framwork Convention in Climate Change (COP 28)'.

**Berangkat menghadiri pembukaan World Climate Action Summit**

**DUBAI, EMIRIAH ARAB BERSATU**, Jumaat, 1 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Pembukaan World Climate Action Summit dan first part of the High Level Segment bagi Ketua-ketua Negara dan Kerajaan di The 28th Conference of the Parties of the United Nations Framework Convention on Climate Change (COP 28) yang berlangsung di Expo City, Dubai.

**Berkenan berangkat ke Majlis Jambori Pengakap 2023**

**TUTONG**, Isnin, 4 Disember. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Penaung Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dan Penaung Kehormat Pengakap Sedunia bercemar duli ke Majlis Jambori Pengakap 2023 mencerminkan keprihatinan baginda terhadap penglibatan golongan muda dalam pasukan beruniform khususnya pergerakan berpengakap di negara ini.




**Lebih BND1.7 juta disumbangkan ke Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 6 Disember. - Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan tersebut bersidang di KKBS, membincangkan mengenai perkembangan status Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023. Setakat, 6 Disember 2023, jumlah terkini sumbangan dari orang ramai kepada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah melebihi BND1.7 juta.

**30 buah ambulans baharu dilancarkan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 7 Disember. - Kementerian Kesihatan melancarkan 30 buah ambulans bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan yang disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku tetamu kehormat majlis.

**Kanak-kanak umur 5 tahun wajib bersekolah bermula 2024**

**BERAKAS**, Sabtu, 9 Disember. - Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2023 yang lalu, Kementerian Pendidikan sukacita memaklumkan bahawa pindaan Akta Pendidikan Wajib Penggal 211, yang berkaitan dengan umur wajib kanak-kanak bersekolah dari 6 tahun kepada 5 tahun, akan mula dilaksanakan pada bulan Januari tahun 2024.

**Perwakilan NBD terima 3 anugerah Merit**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 10 Disember. - Para perwakilan Negara Brunei Darussalam menerima tiga anugerah Merit di 22nd Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) Awards 2023 yang berlangsung di Hong Kong pada 5 hingga 8 Disember 2023. Ma'had Islam Brunei menerima dua anugerah Merit di bawah kategori Sekolah Rendah dengan produk yang dinamakan 'Brugency' dan 'Mr Grabbish', manakala ODE Aquacultre and Agriculture Company Sdn. Bhd. menerima anugerah Merit di bawah kategori Teknologi - Internet of Things of the Year dengan produk yang dinamakan 'Aluatic Tech'.

**Berangkat melawat British Forces Brunei**

**SERIA**, Isnin, 11 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, berkenan berangkat membuat lawatan ke British Forces Brunei (BFB) di Brunei Garrison, Seria.

**Kontinjen Judo NBD harumkan nama negara**

**PULAU PINANG, MALAYSIA**, Selasa, 12 Disember. - Atlet-atlet Persekutuan Judo Kebangsaan Brunei Darussalam berjaya meraih dan membawa pulang satu pingat emas, satu pingat perak dan tiga pingat gangsa pada Kejohanan Judo Jemputan Pulau Pinang 2023 yang berlangsung di Dewan Bankuet Sunshine Square, Pulau Pinang, Malaysia pada 9 hingga 10 Disember 2023.

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong. Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

**Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Puan Loo Tze Lui. Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

**NBD - Jepun terus eratkan hubungan muhibah**

**TOKYO, JEPUN**, Jumaat, 15 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memulakan Keberangkatan Rasmi ke Jepun dengan menghadiri Majlis Perjumpaan bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Naruhito, Maharaja Jepun. Keberangkatan baginda diiringi oleh paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

**NBD - Jepun terus memupuk hubungan muhibah, persahabatan**

**TOKYO, JEPUN**, Sabtu, 16 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat menghadiri Working Lunch bersama Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida, yang berlangsung di Prime Minister's Office, Tokyo. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

**Tangani cabaran isu pertumbuhan ekonomi Asia Pasifik**

**TOKYO, JEPUN**, Ahad, 17 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat ke Sesi 2 : Partners for Co-Creation of Economy and Society of The Future pada Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun yang berlangsung di Hotel Okura Tokyo. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

**Peserta negara rangkul 4 emas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 21 Disember. - Pasukan Sukan Lawan Pedang Negara Brunei Darussalam berjaya merangkul empat pingat emas, empat pingat perak dan lapan pingat gangsa pada 1st Borneo Cup Fencing Challenge Trophy 2023 dan Borneo Junior Fencing Championship 2023 yang diadakan di Miri, Sarawak.

**Berangkat bersama rakyat, penduduk NBD di UK, Ireland**

**LONDON, UNITED KINGDOM,** Khamis, 28 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di United Kingdom (UK) dan Ireland yang berlangsung di Royal Lancaster Hotel, London.

# 106 WARTAWAN TERBUNUH DI GAZA DALAM TEMPOH 84 HARI SERANGAN ISRAEL

BERITA GLOBAL

**GAZA**, 30 Dis. - Tentera Israel membunuh 106 wartawan Palestin di Semenanjung Gaza dalam tempoh 84 hari sejak serangan bermula pada 7 Okt, lapor Agensi Anadolu.

Pejabat Media Gaza memaklumkan seorang lagi wartawan TV Al-Quds terbunuh dalam serangan di Kem Pelarian Nuseirat di tengah Semenanjung Gaza, menjadikan jumlah pengamal media yang terbunuh kepada 106 orang.

Dalam satu kenyataan sebelum ini, pejabat itu berkata Israel sengaja membunuh wartawan di Gaza untuk menutup naratif Palestin, menyembunyikan kebenaran dan menghalang berita serta maklumat daripada tersebar ke peringkat antarabangsa. - ©BERNAMA

# Korban banjir di selatan Thailand meningkat kepada 12 orang

**BANGKOK**, 30 Dis. - Sekurang-kurangnya 12 nyawa terkorban akibat banjir besar yang melanda selatan Thailand manakala lebih 18,000 keluarga di wilayah Pattani, Narathiwat dan Yala masih terjejas.

Kementerian Kesihatan Awam melaporkan bahawa lapan orang maut di Narathiwat, tiga di Yala dan seorang di Pattani.

Ketua Pengarah Jabatan Pencegahan dan Pengurangan Bencana (DDPM), Chaiwat Junthirapong dalam satu kenyataan berkata sehingga 6.00 pagi (waktu tempatan) pada Sabtu sebanyak 18,783 keluarga di 34 daerah di Pattani, Narathiwat dan Yala masih terjejas.

Beliau berkata daripada jumlah penduduk yang terjejas itu, di Pattani membabitkan seramai 9,632 keluarga, di Narathiwat (9,029 keluarga) dan Yala (122 keluarga).

Chaiwat berkata pihak berkuasa tempatan telah menghantar kakitangan dan jentera, termasuk pam air dan pengorek kaut hidraulik ke kawasan terjejas.

"Anggota pasukan itu sedang gigih untuk mengalirkan air banjir dan menjalankan kerja-kerja pembersihan," katanya.

Beliau berkata pegawai juga sedang membuat tinjauan di kawasan yang dilanda banjir untuk menilai kerosakan rumah, infrastruktur dan tanah pertanian.

Sementara itu, media tempatan melaporkan keadaan banjir di Pattani masih belum pulih akibat daripada limpahan air Sungai Pattani dan Sungai Sai Buri.

Selain itu, premis perniagaan dan rumah di bandar itu turut ditenggelami banjir.

Penduduk di Pattani berkata air berada pada paras tertinggi dalam tempoh kira-kira lima dekad di sepanjang Sungai Sai Buri.

Sementara itu, Menteri Kesihatan Awam, Cholnan Srikaew berkata 34 pusat perkhidmatan kesihatan awam telah ditutup iaitu 12 di Yala dan masing-masing 11 di Narathiwat dan Pattani.

Beliau berkata sejumlah 43 pusat pemindahan telah dibuka di seluruh wilayah Pattani, Narathiwat dan Yala bagi menyediakan perlindungan kepada 7,000 penduduk yang terjejas.

Sejak banjir mula melanda selatan Thailand pada 22 Disember lepas, bencana itu telah menjejaskan 109,282 keluarga di lima wilayah – Narathiwat, Pattani, Yala, Songkhla dan Satun. - ©BERNAMA

# Sekurang-kurangnya 30 terkorban dalam serangan udara di Ukraine

**KYIV**, 30 Dis. - Rusia dilaporkan telah melancarkan serangan udara ke atas Ukraine pada Jumaat, mengorbankan sekurang-kurangnya 30 nyawa dan mencederakan lebih 160 lagi.

Sekurang-kurangnya 53 mangsa diselamatkan daripada runtuhan bangunan pada pagi Jumaat, kata Menteri Dalam Negeri, Ihor Klymenko dalam hantaran di Telegram.

Kakitangan Am Angkatan Tentera Ukraine mendakwa Rusia telah melancarkan 158 dron dan peluru berpandu terhadap Ukraine manakala 115 daripadanya telah dipintas setakat ini.

Infrastruktur kritikal Ukraine dan kemudahan perindustrian serta ketenteraan diserang semasa serangan udara itu.

Di Kyiv, sembilan orang disahkan terbunuh dan 28 lagi cedera, kata Datuk Bandar Vitali Klitschko.

Kebanyakan mangsa terkorban apabila sebuah gudang di daerah Shevchenkivskiy terbakar selepas terkena serpihan peluru berpandu yang dipintas.

Kematian turut dilaporkan di bandar Dnipro di tengah Ukraine, bandar selatan Odesa dan Zaporizhzhia, dan bandar timur Kharkiv. - ©BERNAMA

# PM Modi rasmi Lapangan Terbang di Bandar Ayodhya

**NEW DELHI**, 30 Dis. - Perdana Menteri India, Narendra Modi pada Sabtu merasmikan Lapangan Terbang Antarabangsa Maharishi Valmiki di Ayodhya.

Modi berkata lapangan terbang itu dinamakan sempena nama penyair terkenal Valmiki.

Perdana Menteri India itu turut merasmikan stesen kereta api dan projek jalan raya di bandar terbabit yang terletak kira-kira 135 kilometer dari ibu negeri Uttar Pradesh, Lucknow.

Projek yang dilancarkan dan dirasmikan oleh Modi itu dianggarkan bernilai kira-kira US$1.9 bilion.

"Modi juga meletakkan batu asas untuk 'Ayodhya Baharu' di 'India Baharu'," kata ketua menteri Yogi Adityanath semasa acara perasmian. - ©BERNAMA

# Virus polio dikesan di Pakistan - Kementerian Kesihatan

**ISLAMABAD**, 30 Dis. - Virus polio telah dikesan pada sampel alam sekitar di empat daerah di Pakistan, lapor Xinhua memetik kenyataan Kementerian Perkhidmatan Kesihatan dan Koordinasi Negara.

Virus polio ditemukan dalam empat sampel dari daerah Karachi dan Hyderabad di selatan wilayah Sindh, daerah Chaman di barat daya dan Peshawar di barat laut, menurut kementerian dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Negara ini mempunyai sistem pengawasan polio paling meluas dan sensitif di dunia.

Virus polio mudah menyerang kanak-kanak yang mempunyai sistem imun lemah manakala vaksin adalah satu-satunya cara untuk melindungi mereka daripada virus dan kecacatan.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Pakistan adalah antara dua negara yang masih dilanda virus polio selain Afghanistan. Pada tahun ini, sebanyak enam kes polio dikesan di Pakistan. - ©BERNAMA

# Kerajaan Indonesia pertimbang aspek kemanusiaan kendali pelarian Rohingya

**JAKARTA**, 30 Dis. - Ketua Pengarah Hak Asasi Manusia Kementerian Undang-undang dan Hak Asasi Manusia, Dhahana Putra berkata pengendalian pelarian Rohingya di Indonesia perlu mengutamakan aspek kemanusiaan di samping mengambil kira kepentingan masyarakat setempat.

"Menyaksikan penentangan terhadap pelarian Rohingya maka perlu untuk meningkatkan komunikasi dengan IOM (Pertubuhan Antarabangsa untuk Migrasi), UNHCR (Agensi Pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) dan negara jiran bagi mengelak timbulnya isu berbangkit dalam masyarakat tempatan khususnya di Aceh," kata Putra dalam kenyataan pada Sabtu, lapor ANTARA.

Beliau berkata Kerajaan Indonesia belum meratifikasi Konvensyen Geneva 1951 mengenai pelarian. Justeru, atas dasar kemanusiaan, Indonesia masih menempatkan pelarian Rohingya buat sementara waktu berdasarkan prinsip *non-refoulement* yang diiktiraf sebagai undang-undang antarabangsa adat.

"Prinsip non-refoulement melarang negara daripada menghantar pulang atau mengusir pelarian ke negara asal atau negara lain yang berpotensi menganiaya atau menyeksa mereka," kata Putra.

Justeru, beliau menegaskan pelarian Rohingya hanya akan tinggal sementara di Aceh.

"Mereka akan berada di sini (di Indonesia) buat sementara waktu sehingga UNHCR menentukan status mereka sebagai pelarian dan akan ditempatkan di negara ketiga atau negara yang menerima pelarian Rohingya," katanya.

Sepanjang berada di Indonesia, mereka wajib mematuhi undang-undang, peraturan dan nilai-nilai tempatan untuk mengelakkan masalah sosial yang boleh menimbulkan gangguan.

"Kami berharap semua pihak dapat mengelak daripada melakukan sebarang tindakan provokasi yang boleh memburukkan lagi keadaan dalam mengendalikan pelarian berkenaan," katanya.

Sementara itu, kekerasan terhadap pelarian Rohingya telah menjadi tumpuan antarabangsa. Beberapa organisasi media antarabangsa telah melaporkan kejadian di Balee Meuseuraya Aceh.

"Kami berharap perkara sebegini tidak berulang pada masa hadapan," katanya.- ©BERNAMA

# 6 maut, 26 cedera dalam serangan bersenjata di utara Mexico

**BOGOTA** (Colombia), 30 Dis. - Seramai enam orang terbunuh manakala 26 lagi cedera dalam serangan bersenjata di bandar utara Sonora, Mexico.

Dalam kejadian itu, tiga lelaki bersenjata melancarkan serangan semasa perhimpunan di sebuah kediaman di bandar Cajeme, lapor Agensi Anadolu.

Sementara itu, pendakwa raya Sonora, Gustavo Salas Sanchez berkata sebelum ini waran tangkap dikeluarkan terhadap lima daripada enam mangsa yang terbunuh.

Siasatan telah dilancarkan dan kejadian dipercayai mempunyai kaitan dengan perselisihan antara kumpulan samseng. - ©BERNAMA

# Salji lebat diramal landa sebahagian besar kawasan di Seoul

**SEOUL**, 30 Dis. - Agensi cuaca Korea Selatan pada Sabtu mengeluarkan amaran salji lebat atau hujan dijangka melanda di kebanyakan kawasan di Seoul menjelang tahun baharu.

Amaran itu berkuat kuasa pukul 9 pagi di bahagian timur laut dan barat laut Seoul serta Incheon di sebelah barat dan di kawasan Gyeonggi, menurut Agensi Berita Yonhap yang memetik Pentadbiran Meteorologi Korea (KMA).

Salji dijangka mencapai lima sentimeter atau lebih dalam tempoh 24 jam.

Sementara itu, hujan sehingga 0.1mm atau salji kurang dari 0.1 cm dijangka melanda bahagian timur Gyeonggi dan selatan Chungcheong.

Menurut agensi itu salji lebat turut diramal melanda di pedalaman di timur Gangwon pada Ahad pagi dan di kawasan pantai pada sebelah petang. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# KOREA UTARA RANCANG LANCAR TIGA LAGI SATELIT PENGINTIP TAHUN DEPAN

**SEOUL**, 31 Dis. - Korea Utara merancang untuk melancarkan tambahan tiga satelit pengintip pada 2024, selepas kejayaan melancarkan satelit pertama negara itu bulan lepas.

Pemimpin Korea Utara, Kim Jong Un menetapkan matlamat itu semasa membuat penggulungan pada mesyuarat pleno Jawatankuasa Pusat Parti Pekerja Korea yang berlangsung selama lima hari, lapor Agensi Berita Yonhap pada Ahad memetik Agensi Berita KCNA.

"Berdasarkan pengalaman melancarkan dengan jayanya dan mengendalikan satelit pengintip pertama pada tahun 2023 dalam sektor pembangunan angkasa, tugas melancarkan tiga lagi satelit pengintip pada tahun 2024 diumumkan dan semua langkah untuk memacu pembangunan teknologi sains angkasa telah dibincangkan," kata KCNA.

Pyongyang berjaya meletakkan satelit pengintip tentera, dinamakan Malligyong-1 di orbit pada 21 November selepas dua percubaan yang gagal pada Mei dan Ogos.

"Kami perlu bertindak balas secara pantas terhadap kemungkinan krisis nuklear dan menggerakkan semua langkah mungkin, termasuk kuasa nuklear dalam usaha mempercepatkan persiapan untuk peristiwa besar iaitu menempatkan seluruh wilayah Korea Selatan di bawah kawalan kami," kata Kim.

Beliau juga menekankan keperluan untuk mengukuhkan keupayaan ketenteraan Tentera Laut dan membangunkan peralatan bersenjata tanpa pemandu dan alat-alat untuk peperangan elektronik dalam usaha untuk melaksanakan projek pertahanan utamanya dengan lebih baik.

Kim juga berkata beliau tidak lagi akan menganggap Korea Selatan sebagai pihak untuk berdamai dan bersatu dengan, selain berkata Seoul telah mengisytiharkan Pyongyang sebagai musuh utama.

Beliau berkata Parti Pekerja juga telah membuat kesimpulan bahawa penyatuan dengan Korea Selatan adalah tidak mungkin.

Pemimpin Korea Utara itu berkata hubungan antara Korea Utara dan Korea Selatan telah menjadi hubungan 'dua negara yang bermusuhan' atau 'dua negara yang menunggu untuk bertempur'. - ©BERNAMA

# Bekas Presiden Bolivia dihalang daripada bertanding semula jawatan

**BUENOS AIRES**, 31 Dis. - Mahkamah Perlembagaan Bolivia menghalang bekas Presiden Evo Morales daripada mengambil bahagian dalam pilihan raya presiden 2025, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Mahkamah memutuskan bahawa mengehadkan kemungkinan untuk dipilih semula adalah tindakan yang sesuai untuk memastikan seseorang tidak kekal berkuasa selama-lamanya.

Dengan berbuat demikian, mahkamah itu membatalkan keputusan terdahulu pada 2017 yang menyifatkan pemilihan semula sebagai sebahagian 'hak asasi manusia'.

Dalam satu hantaran di platform X pada Sabtu, Morales mendakwa keputusan itu sebagai 'bersifat politik' dan sebagai bukti 'persubahatan beberapa hakim' dengan apa yang disifatkan beliau sebagai 'muslihat' presiden Bolivia Luis Arce.

Pada September Morales mengumumkan bahawa beliau akan bertanding semula dalam pilihan raya Presiden.

Beliau menjadi presiden pribumi pertama negara Amerika Selatan itu pada 2006. - ©BERNAMA

# 14 terbunuh, 108 cedera dalam serangan Ukraine ke atas Bandar Belgorod, Rusia

**MOSCOW,** 31 Dis. - Sekurang-kurangnya 14 orang terbunuh manakala 108 lagi cedera dalam serangan Ukraine ke atas bandar Belgorod di Rusia pada Sabtu.

Dalam satu kenyataan Kementerian Kecemasan Rusia memaklumkan dua daripada yang terbunuh dan 15 daripada yang cedera adalah kanak-kanak, lapor Agensi Anadolu.

Dalam satu kenyataan berasingan, Kementerian Pertahanan Rusia berkata Ukraine menggunakan dua peluru berpandu jenis Olkha dan pelancar roket Vampire.

Menurut kementerian pertahanan sebanyak 40 sasaran awam rosak dalam serangan yang menyasarkan kawasan kediaman itu. Rusia telah meminta satu mesyuarat Majlis Keselamatan PBB susulan serangan itu.

Terdahulu, Gabenor Wilayah Belgorod, Vyacheslav Gladkov berkata Ukraine menyerang pusat bandar Belgorod dan mengesahkan kerosakan terhadap bekalan air di pusat pentadbiran wilayah itu.

Dalam kejadian berasingan, Kementerian Pertahanan berkata sebanyak 32 dron Ukraine sama ada dilumpuhkan atau ditembak jatuh semalaman.

"Sistem pertahanan udara memusnahkan dan melumpuhkan 32 pesawat tanpa pemandu Ukraine di wilayah Bryansk, Orel, Kursk, dan Moscow," menurut kenyataan Kementerian Pertahanan.

Sementara itu, Xinhua memetik Gladkov sebagai berkata di media sosial angka kematian telah meningkat kepada 21 orang, termasuk tiga orang kanak- kanak. Angka mereka yang cedera juga dikemaskini kepada 110 orang, termasuk 17 orang kanak-kanak.

"Sistem pertahanan udara memusnahkan dan melumpuhkan 32 pesawat tanpa pemandu Ukraine di wilayah Bryansk, Orel, Kursk, dan Moscow," menurut kenyataan Kementerian Pertahanan. - ©BERNAMA

# 2024 : Pulau Pinang terus teraju, sumbang nilai kesejahteraan rakyat

**GEORGE TOWN**, 31 Dis. - Pulau Pinang perlu terus menerajui, menyuntik inspirasi dan menyumbang kepada nilai kesejahteraan rakyat secara keseluruhan, berasaskan nilai Malaysia MADANI dan prinsip Kerajaan Perpaduan.

Ketua Menteri Chow Kon Yeow berkata dunia kini kian berubah mengikut peredaran zaman, maka dengan itu, segala usaha dan objektif yang disasarkan oleh kerajaan Persekutuan melalui Konsep Malaysia MADANI akan terus didukung di peringkat negeri.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus mengemudi negeri melalui perancangan dan pelaksanaan rapi untuk mencapai Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara untuk memulihkan sektor ekonomi agar pembangunan negeri khususnya dan negara amnya dapat bergerak dengan pantas serta bertambah rancak," katanya dalam perutusan bersempena dengan Tahun Baru 2024 di sini hari ini.

Chow berkata kejayaan pembangunan dan pemulihan ekonomi yang dicapai hingga kini ialah hasil usaha bersama kerajaan negeri dan Persekutuan yang sentiasa berganding bahu demi memastikan pelaksanaan projek atau program yang memberikan manfaat kepada rakyat.

Beliau berkata dalam usaha kerajaan negeri memberi tumpuan kepada pembangunan sosial demi kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat di Pulau Pinang, projek infrastruktur mega seperti transit aliran ringan (LRT), projek pembesaran lapangan terbang dan projek Silicon Island di bahagian selatan pulau negeri ini juga diberikan keutamaan, malah telah mula dilaksanakan.

"Seperti yang saya telah nyatakan sebelum ini, kerajaan negeri yakin projek Silicon Island ini akan mengulangi kejayaan Kawasan Perindustrian Bebas (FIZ) Bayan Lepas yang membawa pembaharuan kepada ekonomi Pulau Pinang lebih 50 tahun lepas.

"Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa kita memerlukan Silicon Island untuk mengembangkan lagi tanah perindustrian di Bayan Lepas untuk menjamin perkembangan serta peningkatan daya saing sektor pembuatan elektrik dan elektronik (E&E) negeri kita yang terkemuka," katanya.

Chow berkata adalah mustahil bagi kesemua projek mega itu siap sebelum beliau menamatkan tugas sebagai Ketua Menteri di negeri ini, namun biarlah beliau menggalas tanggungjawab untuk memulakan projek berkenaan demi kesejahteraan rakyat pada masa akan datang.

Sementara itu, katanya kerajaan negeri juga menyeru seluruh rakyat Pulau Pinang agar terus mengekalkan keharmonian yang dinikmati dan dibanggakan serta pihaknya akan terus memastikan rakyat sentiasa hidup dalam kemakmuran dan keharmonian dengan semangat perpaduan yang sentiasa mekar sejak bertahun-tahun lamanya.

"Dengan ini, saya menjemput seluruh rakyat Pulau Pinang bersama-sama mengalu-alukan ketibaan 2024 dengan semangat kasih sayang, perpaduan, toleransi dan kegembiraan," katanya. - ©BERNAMA

# 6 maut, 9 cedera kebakaran kilang sarung tangan di India

**NEW DELHI,** 31 Dis. - Sekurang-kurangnya enam orang maut manakala sembilan lagi cedera dalam kebakaran sebuah kilang sarung tangan di negeri Maharashtra di barat daya India pada Sabtu malam, kata polis tempatan kepada Agensi Berita Xinhua.

Kebakaran berlaku di dalam unit pembuatan sarung tangan di daerah Chhatrapati Sambhajinagar di negeri itu, ketika mangsa sedang tidur.

Punca kebakaran masih dalam siasatan.

Seorang pegawai bomba tempatan berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan kira-kira 1.15 pagi.

"Kami bergegas ke tempat kejadian dan mendapati api telah dipadamkan. Sebanyak enam mayat ditemukan. Mangsa yang cedera telah dimasukkan ke hospital tempatan," katanya.

Menurut beliau, beberapa mangsa melecur teruk. - ©BERNAMA

# Gaza bergelut dengan 'bencana' kelaparan, 40 peratus penduduk berisiko kebuluran

**ISTANBUL**, 31 Dis. - Agensi Bantuan dan Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian Palestin (UNRWA) pada Sabtu mengulangi amaran bahawa orang awam di Gaza sedang bergelut dengan kelaparan yang dahsyat dan hampir separuh daripada penduduknya berdepan risiko kebuluran, lapor Agensi Anadolu.

Dalam satu hantaran di X, Pengarah Hal Ehwal UNRWA di Gaza Thomas White berkata orang ramai sedang kelaparan dan terdesak untuk mendapatkan makanan. Menurut beliau, sebanyak 40 peratus daripada populasi di Gaza juga berdepan risiko kebuluran.

"Lebih banyak bekalan secara kerap diperlukan. Kami memerlukan akses kemanusiaan yang selamat dan berkekalan di mana-mana, termasuk ke Utara Gaza," katanya.

Menurut pihak berkuasa kesihatan tempatan, serangan tanpa henti Israel di Semenanjung Gaza sejak 7 Okt membunuh lebih 21,000 rakyat Palestin dan mencederakan ramai lagi penduduk.

Serangan Israel menyebabkan Gaza 'hancur' dengan 60 peratus infrastruktur di wilayah terkepung itu rosak atau musnah dan hampir 2 juta penduduk kehilangan tempat tinggal di tengah-tengah kekurangan makanan, air bersih dan ubat-ubatan.

Ketua UNRWA, Phillipe Lazzrini berkata bantuan kemanusiaan yang bermakna, tanpa halangan dan tanpa syarat serta aliran komersial, masih boleh mengubah keadaan dan mencegah kebuluran daripada berlaku. - ©BERNAMA

# Gempa bumi kuat 6.4 skala richter melanda Barat Papua, Indonesia

**KUALA LUMPUR**, 31 Dis. - Gempa bumi kuat berukuran 6.4 pada skala Richter melanda Barat Papua, Indonesia pada 1.16 pagi tadi.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), gempa dengan kedalaman 76 kilometer (km) itu berlaku pada jarak 168 km barat dari Jayapura, Indonesia. Bagaimanapun, berdasarkan penilaian awal tiada ancaman tsunami kepada Malaysia. - ©BERNAMA

# BERIADAH SAMBIL BERAMAL

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 30 Disember. – Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) petang tadi mengadakan aktiviti berjalan kaki beramai-ramai sejauh 2.1 kilometer mengelilingi kawasan persekitaran kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, di Jalan Dewan Majlis. Turut menyertai aktiviti beriadah berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Mislee bin Haji Abd. Karim; serta para pegawai kanan dan kakitangan kementerian berkenaan.

Atur cara termasuk sesi pemanasan badan dan diikuti dengan aktiviti berjalan kaki yang diketuai oleh Pemangku Setiausaha Tetap, KHEU.





**PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama menyertai sesi pemanasan badan dan hadir pada majlis berkenaan (kiri dan kanan).**

Di samping bagi mengumpul derma berbentuk sumbangan kewangan bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza, aktiviti beriadah berkenaan bertujuan untuk meningkatkan penglibatan warga KHEU secara berkumpulan agar lebih bergiat aktif setiap hari.

Selain itu juga, ia bagi menyahut Cabaran 80 Bilion Langkah bersama bagi Promosi Kesihatan *BN On The Move* versi kedua.

# Daren letak jawatan sebagai pembantu jurulatih Zii Jia

**KUALA LUMPUR**, 30 Dis. - Bekas pemain perseorangan lelaki negara Liew Daren akan berpisah dengan Lee Zii Jia, selepas hampir dua tahun berkhidmat sebagai penolong jurulatih pemain nombor 11 dunia itu.

Menurut pihak pengurusan Zii Jia, Team LZJ yang mengesahkan perkara itu menerusi Instagram hari ini, Daren mengambil keputusan itu atas alasan peribadi.

"Selepas perbincangan hati ke hati, Team LZJ dengan berat hati bersetuju untuk menerima peletakan jawatan Liew Daren daripada pasukan. Kami menghormati keputusan beliau yang diambil atas alasan peribadi.

"Daren merupakan komponen penting pasukan sejak hari pertama dan telah memainkan peranan utama dalam pembangunan Team LZJ. Beliau akan dirindui oleh semua dalam pasukan. Justeru, pintu sentiasa terbuka untuk Daren di Team LZJ," menurut kenyataan itu.

Daren yang mewakili Malaysia sebagai perseorangan lelaki profesional bersara April lepas dan kemudian melaksanakan tugas membimbing Zii Jia sebagai pembantu jurulatih secara sepenuh masa.

Beliau, sebelum itu melakukan dua pekerjaan itu (perseorangan lelaki profesional dan pembantu jurulatih) sejak Mac 2022.

Daren, 36, pernah mencapai ranking ke-10 dunia dan merupakan sebahagian daripada pasukan negara yang memenangi emas pada Sukan Komanwel Glasgow 2014, selain menjuarai Terbuka Perancis pada Oktober 2012, menewaskan pemain Denmark Viktor Axelsen. - ©BERNAMA

# Piala Asia : Harimau Malaya mampu curi mata di perlawanan pembukaan

**SHAH ALAM**, 31 Dis. - Legenda bola sepak kebangsaan Datuk Zainal Abidin Hassan optimis skuad Harimau Malaya mampu mencuri mata pada perlawanan pembukaan bertemu Jordan dan Bahrain di Piala Asia 2023 di Doha, Qatar bermula 12 Jan hingga 10 Feb depan.

Bekas penyerang Selangor itu berkata keyakinan itu muncul setelah melihat percaturan ketua jurulatih kebangsaan Kim Pan Gon yang banyak 'menampal' kelemahan pasukan negara selain prestasi memberangsangkan tahun ini.

"Kita lawan dengan Bahrain dan Tajikistan tidak jauh ketinggalan matanya, itu sebelum Pan Gon memperbaiki pasukan, jadi saya lihat pasukan Jordan tidak jauh beza (prestasinya) dengan Tajikistan sekiranya mereka memberikan persembahan terbaik dan konsisten.

"Harimau Malaya juga pernah ketinggalan jaringan semasa lawan dengan pasukan Kyrgyzstan namun bangkit untuk memenangi perlawanan, kalau kekalkan prestasi itu di Piala Asia saya yakin mereka boleh kalahkan Jordan," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Harimau Malaya sebelum ini kalah tipis 1-2 kepada Bahrain pada Kelayakan Piala Asia 2023 pada Jun 2022 manakala perlawanan bertemu Tajikistan di Pestabola Merdeka 2023 pada Oktober menyaksikan skuad negara tewas 0-2.

Bagaimanapun, Malaysia kemudian mencipta sensasi apabila menewaskan Kyrgyzstan 4-3 dengan melakukan kebangkitan luar biasa selepas ketinggalan 3-1 dalam aksi sulung Kumpulan D Kelayakan Piala Dunia 2026/Piala Asia 2027 November lepas.

Malaysia akan menentang Jordan dalam aksi pembukaan Kumpulan E Piala Asia 2023 pada 15 Jan, diikuti Bahrain (20 Jan) dan juara dua kali yang juga pasukan pilihan Korea Selatan pada 25 Jan.

Dalam pada itu, Zainal Abidin berkata keyakinan untuk mencuri mata bertambah apabila Pan Gon memasukkan penyerang naturalisasi baharu Kuala Lumpur (KL) City FC Romel Morales yang disifatkannya sebagai tindakan bijak untuk menghadirkan tentangan sengit di Qatar kelak.

Selain itu katanya bahagian pertahanan Harimau Malaya juga telah menunjukkan peningkatan ketara pada tahun ini.

"Kita sudah nampak kekebalan pertahanan kita, tapi ada juga buat kesalahan tak sepatutnya dibuat, ini adalah pengajaran yang perlu dibaiki, saya rasa Pan Gon tahu apa yang diinginkan daripada pemain pertahanan, kesilapan yang dilakukan perlu diperbaiki," katanya.

Sementara itu, bekas pengendali skuad muda negara itu berkata Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) perlu mencari pengganti Arab Saudi bagi aksi pemanas badan sebelum Piala Asia 2023.

FAM sebelum ini mengesahkan aksi persahabatan bertemu Arab Saudi terpaksa dibatalkan atas permintaan ketua jurulatih baharunya Roberto Mancini yang mencongak pasukannya berkemungkinan bertemu Malaysia pada pusingan 16 terbaik Piala Asia. - ©BERNAMA

# WFM tagih sentuhan dua juara dunia gegar Piala Dunia di Jepun

**KUALA LUMPUR,** 30 Dis. - Juara dunia, Wong Weng Son dan bekas juara dunia, Tan Cheong Min, bakal menjadi taruhan utama negara untuk menggegar Piala Dunia Wushu 2024 dijadualkan berlangsung di Jepun, November tahun depan.

Weng Son muncul pemenang emas tunggal negara bagi acara changquan lelaki pada Kejohanan Dunia Wushu 2023 di Texas, Amerika Syarikat, bulan lepas manakala Cheong Min pula merupakan juara dunia sebanyak dua kali kejohanan itu menerusi acara duilian wanita bersama Phoon Eyin dan Loh Ying Ting (Kazan 2017) serta nandao wanita (Shanghai 2019).

Presiden Persekutuan Wushu Malaysia (WFM), Datuk Chong Kim Fatt berkata kedua-dua mereka itu diharapkan dapat merealisasikan sasaran awal satu emas yang diletakkan kepada kem wushu negara daripada kejohanan berkenaan.

"Selain Weng Son dan Cheong Min, atlet lain yang bakal menyertai Piala Dunia Wushu 2024 di Jepun nanti adalah Sydney Chin Sy Xuan, Clement Ting dan Calvin Lee," katanya kepada Bernama.

Katanya, kesemua mereka merupakan antara lapan atlet negara yang layak beraksi di Piala Dunia Wushu 2024 selepas memperoleh kedudukan lapan terbaik dunia dalam acara masing-masing di Texas, Amerika Syarikat sekali gus menepati kriteria pertandingan yang menetapkan atlet perlu menghuni kedudukan 10 terbaik dunia.

Dalam pada itu, Kim Fatt berkata pihaknya akan mengemukakan rayuan kepada Majlis Sukan Negara minggu depan bagi mempertimbangkan hasrat WFM yang mahu menghantar atlet mereka berlatih di China sebanyak dua kali tahun depan.

Katanya, permohonan itu terpaksa dibuat selepas beliau difahamkan MSN hanya meluluskan hanya satu latihan di luar negara untuk atlet WFM pada tahun depan susulan kekangan peruntukan.

"Kami akan berjumpa dengan Ketua Pengarah MSN baharu, Abdul Rashid Yaakub untuk berbincang semula rancangan WFM menghantar atlet jalani latihan dua kali di luar negara selepas tahun baharu ini," katanya.

Beliau yang merupakan ketua kontinjen negara ke Sukan Asia Hangzhou 2022 berkata atlet mereka wajar diberi pendedahan sebanyak dua kali di luar negara tahun depan susulan prestasi memberangsangkan sepanjang 2023 termasuk kejayaan merangkul 11 pingat merangkumi satu emas, enam perak dan empat gangsa pada kejohanan dunia di Texas.

Kim Fatt pada masa sama berharap dapat membawa beberapa atlet pelapis berlatih di luar negara sebagai persediaan awal menyiapkan mereka agar benar-benar bersedia menggalas tugas negara pada Sukan SEA 2025 di Thailand.

Sukan SEA 2025 dijadualkan berlangsung di tiga bandar utama iaitu Bangkok, Chonburi dan Songkhla dari 9 hingga 20 Disember, 2025. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

# SUKAN

ePaper Pelita Brunei

## AKTIVITI BERJALAN KAKI SAHUT CABARAN 80 BILION LANGKAH



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menghadiri aktiviti berjalan kaki bagi menyahut cabaran BN on the Move - 80 Billions Steps To The Final Countdown di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, Berakas.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Disember. - BN on the Move merupakan program promosi kesihatan yang bertujuan untuk membarigakan salah satu ciri baharu dalam aplikasi BruHealth untuk meningkatkan tahap kegiatan fizikal dalam kalangan masyarakat Brunei dengan menggalakkan berjalan kaki atau meningkatkan jumlah langkah setiap hari.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan mengadakan aktiviti berjalan kaki bagi menyahut cabaran BN on the Move - 80 Billions Steps To The Final Countdown di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, Berakas, di sini.

Acara tersebut dihadiri oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Acara dimulakan dengan sesi pemanasan badan dan seterusnya aktiviti berjalan kaki beramai-ramai sejauh 3.4 kilometer mengelilingi Taman Rekreasi Jalan Menteri Besar.

Cabaran 80 Bilion Langkah Bersama iaitu cabaran ketiga di bawah inisiatif BN on the Move telah bermula pada 20 Ogos 2023, di mana versi ini mempunyai ciri-ciri baharu yang meliputi pelbagai jenis kegiatan fizikal dan juga meningkatkan pengalaman pengguna seperti pertandingan berkumpulan dan sistem mata insentif.

Mata (*points*) yang dikumpulkan berfungsi sebagai insentif bagi mendorong pengguna untuk mengamalkan gaya hidup yang aktif secara berterusan.

Sistem mata insentif ini dikenali sebagai BruPoints Mall dan setakat ini sebanyak 24 jenis hadiah dan sebanyak 1,289 total item ditawarkan, manakala hadiah yang popular di *redeem* oleh pengguna ialah baucar makanan sihat dan keahlian gim.

Ganjaran tersebut boleh didapati di aplikasi BruHealth dengan hanya menggunakan mata terkumpul yang mereka peroleh daripada bersenam dan berjalan kaki.

Turut hadir semasa acara itu ialah Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, para pegawai dan kakitangan kerajaan dari Kementerian Kesihatan. Aktiviti tersebut disokong oleh EVYD Technology Sdn. Bhd.

## Riadah Berjalan Kaki Sambil Beramal

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 31 Disember. - Jawatankuasa Ad-Hoc Mantan Penuntut-penuntut Pusat Tingkatan Enam (PTE) Jalan Muara 1975-1978 menganjurkan Riadah Berjalan Kaki Sambil Beramal bagi menyahut inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) selaku Urus Setia yang menubuhkan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 bagi mengumpul sumbangan derma rakyat dan penduduk di negara ini untuk didermakan kepada tabung berkenaan.

Riadah yang bertemakan 'Kita Prihatin Gaza, Palestin 2023' berkenaan berlangsung pagi tadi di Taman Makhota Jubli Emas di ibu negara.

Pada acara berkenaan, Penaung Bersama Ahli Jawatankuasa (AJK) Ad-Hoc Mantan Penuntut-penuntut PTE Jalan Muara 1975 – 1978, Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pelancaran Kutipan Derma Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Tetamu kehormat majlis kemudiannya mengetuai acara Riadah Berjalan Kaki Sambil Beramal sejauh 1.2 kilometer yang meliputi persekitaran Taman Makhota Jubli Emas (BIBD CONNECT, BIBD Frame Brunei Darussalam) dan melalui pekarangan Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Kira-kira 150 peserta terlibat dalam acara riadah berkenaan yang terdiri daripada mantan para penuntut PTE seluruh negara termasuk PTE Jalan Muara, PTE Gadong-Maktab Duli Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah, PTE Lambak Kiri, PTE Meragang, PTE Sengkurong, PTE Tutong, PTE Kuala Belait dan Tingkatan Enam Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB).

Acara riadah berkenaan juga menerima sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai.

Sejumlah BND8,060 berjaya dikumpulkan hasil daripada kutipan 'Sumbangan Derma Prihatin Daripada Mantan Penuntut PTE Senegara Brunei Darussalam kepada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza, 2023.

Sumbangan berkenaan disampaikan oleh tetamu kehormat majlis kepada Setiausaha Tetap (Kesukanan), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, selaku wakil dari KKBS.

Kutipan wang berkenaan dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu, pertama menerusi sumbangan daripada mantan para penuntut PTE Jalan Muara 1975-1978 melalui pemindahan wang secara dalam talian yang dilancarkan dari 6 hingga 28 Disember 2023 dengan jumlah kutipan terkumpul BND6,194.

Manakala, kaedah kedua pula ialah kutipan derma terkumpul menerusi acara Riadah Berjalan Kaki Sambil Beramal 'Kita Prihatin Gaza, Palestin 2023' dengan hasil kutipan berjumlah BND1,866.



PENAUNG Bersama Ahli Jawatankuasa Ad-Hoc Mantan Penuntut-penuntut PTE Jalan Muara 1975 – 1978, Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat hadir selaku tetamu kehormat mengetuai acara Riadah Berjalan Kaki Sambil Beramal.

Menurut Setiausaha Bersama Jawatankuasa Riadah Berjalan Kaki Sambil Beramal, Awang Haji Jaafar bin Haji Ibrahim, acara santai berkenaan dianjurkan adalah sebagai tanda solidariti kepada penderitaan serta kesengsaraan yang dihadapi dan ditanggung oleh rakyat Palestin di Gaza.

Di samping itu katanya lagi, riadah berkenaan juga bagi menyahut seruan kerajaan melalui Kementerian Kesihatan ke arah mewujudkan warga Brunei yang sihat melalui aktiviti sukan seperti berjoging, berjalan kaki, *brisk walk* dan lain-lain cabang aktiviti sukan.

"Dengan penyertaan dan sumbangan derma ikhlas daripada mantan para penuntut PTE seluruh negara berkenaan, ia merupakan satu nilai sokongan dan dukungan yang bermakna lagi amat dihargai.

"Ia juga merupakan tanda keprihatinan yang murni daripada kitani orang-orang Brunei kepada penduduk dan rakyat Palestin di Gaza," ujar beliau lagi.



**TINGKATKAN TAHAP KEGIATAN FIZIKAL DALAM KALANGAN MASYARAKAT**